



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
YANG BERHORMAT DATUK HAJAH MAS ERMIEYATI HJ SAMSUDIN
KETUA PUTERI UMNO MALAYSIA**

OLEH:

AMALINA ALIAH BINTI KAHARUDIN	2012145453
NURHARFAH BINTI HARON	2012798009

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
YANG BERHORMAT DATUK HAJAH MAS ERMIEYATI HJ SAMSUDIN
KETUA PUTERI UMNO MALAYSIA

OLEH:

AMALINA ALIAH BINTI KAHARUDIN	2012145453
NURHARFAH BINTI HARON	2012798009

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, bersyukur ke atas Illahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga menyiapkan tugas ini dengan jayanya walaupun pelbagai yang dihadapi, tetapi akhirnya dapat dilakukan dengan baik.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah tercinta kami, untuk subjek IMR604 - Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan]. Puan NurulAnnisa Binti Abdullah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan berjayanya.

Tokoh yang kami hormati, Yb Datuk Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kesudian beliau memberikan kerjasama serta berkongsi ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi saya pemudahcara untuk menyiapkan oral lisan ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai berjaya menghabiskan tugas ini.

Akhir madah, kam mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama Yb Datuk Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin mengenai kerjaya beliau sepanjang berkhidmat sebagai Ketua Puteri UMNO Malaysia dan beliau juga merupakan seorang Ahli Parlimen Masjid Tanah. Transkrip temubual ini dijalankan di Pusat Khidmat Masyarakat Kawasan Parlimen Masjid Tanah di Jalan Taman Bandar Baru Utama, Taman Bandar Baru Masjid Tanah Utama, 78300, Masjid Tanah Melaka pada 15 May 2015 bermula pada 12:00 tengah hari sehingga ke pukul 3:00 petang. Beliau merupakan seorang Ketua Puteri Umno Malaysia yang sangat serius dan berdedikasi dalam melakukan tugas-tugas beliau. Beliau juga berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan merupakan seorang peguam dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang guaman. Beliau merupakan tokoh yang berkhidmat dengan komited dan konsisten dari awal berkhidmat sebagai Ahli Parlimen kawasan Masjid Tanah dari awal April 2013 sehinggalah sekarang. Temubual ini menumpukan pengalaman, sumbangan dan jasa beliau sepanjang menjadi Ketua Puteri UMNO Malaysia dan juga sebagai Ahli Parlimen Kawasan Masjid Tanah.*

Kata kunci: *Yb Datuk Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin, Ahli Parlimen kawasan Masjid Tanah, Ketua Puteri Umno Malaysia, pengalaman, sumbangan dan jasa.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Pendidikan Awal.....	14
Bahagian 3: Pendidikan di Universiti.....	17
Bahagian 4: Pekerjaan Awal.....	23
Bahagian 5: Sumbangan, Pencapaian dan Anugerah.....	32
Lampiran	
Gambar.....	
Log Wawancara.....	
Diari Kajian.....	
Senarai soalan.....	
Surat Perjanjian.....	
Surat Pengesahan.....	
Indeks.....	

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH

BIODATA RINGKAS

YANG BERHORMAT DATUK HAJAH MAS ERMIEYATI HAJI SAMSUDIN
KETUA PUTERI UMNO MALAYSIA



1. BUTIRAN PERIBADI

- 1.1 Nama : Yb Datuk Hjh Mas Ermieyati Hj Samsudin
- 1.2 Jawatan : Ketua Puteri UMNO Malaysia
- 1.3 Tempat Lahir : Hospital Besar Melaka
- 1.4 Tarikh Lahir :

2. KELULUSAN AKADEMIK

- 2.1 Sekolah Rendah : Methodist Girl School
- 2.2 Sekolah Menengah : Sekolah Tun Fatimah
- 2.3 IPTA : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

PENGENALAN

PENGENALAN



Puteri UMNO dilancarkan pada 3 Ogos 2001 oleh Presiden UMNO pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ketua Puteri UMNO yang pertama ialah YB Datuk Seri Azalina Othman, seorang peguam yang banyak terlibat dalam Biro Bantuan Guaman. Peranan Puteri UMNO sangat bermakna kerana dapat menarik ramai golongan remaja untuk menyertai UMNO. Mereka dengan mudah dapat memberi kerjasama dalam pelbagai aktiviti di peringkat cawangan dan bahagian. Kerja-kerja perkeranian, sukarela dan pengurusan balai raya serta aktiviti parti berjalan dengan lancar. Kehadiran mereka menghidupkan suasana UMNO.

Sehingga kini kerajaan menerima baik kehadiran pimpinan Puteri UMNO. Azalina Othman telah dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan dan pada tahun 2008 dan beliau dilantik sebagai Menteri Pelancongan. Dua penggal berturut-turut beliau menang tanpa bertanding di parlimen Pengerang, Johor.

Pada Mac 2008, Ketua Puteri UMNO Noraini Ahmad telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia. Penubuhan Puteri UMNO mendapat bantahan daripada Wanita UMNO kerana akan bertindan peranan. Sebenarnya Puteri UMNO setaraf dengan Pemuda UMNO. Sebagai langkah seimbang, Putera UMNO telah ditubuhkan bagi meremajakan UMNO.

Apabila Datuk Sri Rafidah Aziz dan ramai wanita UMNO tidak dilantik sebagai menteri pada Mac 2008, keahlian Azalina menjadi tanda tanya. Semua anggota Puteri UMNO secara automatik didaftar sebagai anggota Wanita UMNO sebaik sahaja umur mereka melepasi had yang ditetapkan.

Ahli yang telah melepasi had umur sebagai ahli Puteri secara automatik menjadi ahli Wanita. Penubuhan puteri UMNO dipersetujui secara prinsip oleh Majlis Kerja Tertinggi (MKT) pada 10 Julai 2000 bertujuan untuk menarik lebih ramai golongan wanita muda menyertai UMNO.

Bagaimanapun tarikh 16 Oktober 2000 mencatat satu lagi sejarah bagi UMNO kerana MKT bersetuju secara rasmi menubuhkan PUTERI UMNO sebagai satu gerakan penting dalam parti.

Justeru, pada 9 April 2001 (isnin), Puteri UMNO dengan rasminya diperkenalkan kepada umum. Bagi merealisasikan Puteri UMNO sebagai barisan yang mampu bertindak secara profesional dalam parti di kalangan wanita muda, YB Datuk Seri Azalina Othman telah dilantik menjadi Ketua Penaja Puteri UMNO. Bersama beliau juga dilantik beberapa barisan exco yang mampu mendukung cita-cita parti mengekalkan kedaulatan Melayu.

Pada 3 Ogos 2001 tercatat satu lagi sejarah dalam kamus parti UMNO apabila sayapnya, Puteri dilancarkan oleh YAB presiden UMNO, Tun Mahathir Mohamad di Dewan Merdeka, PWTC.

Selepas berusia 55 tahun, akhirnya UMNO mengambil keputusan untuk 'melahirkan' seorang puteri bagi memantapkan barisan perjuangan yang sedia ada sejak 1946. Puteri UMNO yang diilhamkan sendiri oleh Presiden UMNO, adalah pelengkap kepada Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO yang sedia ada.

Cadangan pada awalnya adalah kepada wanita bumiputera yang berusia 18 - 40 tahun, tetapi setelah dibahaskan di dalam MKT, had umur yang dipersetujui ialah 18 - 35 tahun. Oleh yang demikian, setiap wanita warganegara berstatus bumiputera berusia 18 - 35 tahun boleh menjadi ahli Puteri UMNO.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah hasil rakaman wawancara sejarah lisan bersama Yb Datuk Hjh Mas Ermieyati Hj Samsudin berkaitan dengan jawatan tertinggi beliau sebagai Puteri UMNO Malaysia dan juga memegang jawatan sebagai Ahli Parlimen Kawasan Masjid Tanah. Rakaman ini telah dijalankan di pejabat beliau di alamat Pusat Khidmat Parlimen Masjid Tanah, Taman Bandar Baru, 78300 Masjid Tanah, Melaka bertarikh 15 May 2015 hari Jumaat pada jam 12.00 tengahari sehingga 3.00 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Amalina Aliah Binti Kaharudin dan dibantu oleh Nurharfah Haron. Dengan lafaz Bismillah kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

YB: Yb Datuk Hjh Mas Ermieyati
AA: Amalina Aliah

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

- AA : Siapakah nama penuh Yb [Yang Berhormat] Mas Ermieyati dalam kad pengenalan?**
- YB : Dalam kad pengenalan”-“ tertulis Mas Ermieyati binti Samsuddin.**

AA : Apakah nama gelaran *Yb* [Yang Berhormat] ataupun nama timangan yang dipanggil oleh kawan- kawan ataupun *family* [keluarga] ?

YB : Kalau *family* [keluarga] atau selalunya saya suka orang panggil saya Emy “-“ . So [jadi] ada juga yang baru jumpa , ada juga, yang bukan , kawan-kawanlah”- “, selalunya kawan politik yang baru kenal, dia panggil saya Mas. So [jadi}, pada saya Mas saya memang *tak* [tidak] gemarlah orang memanggil saya dengan Mas, kawan- kawan sekolah , Sekolah Tun Fatimah dulu panggil Enche, itu untuk yang enche, panggilan [E-N-C-H-E], sebab nama kakak angkat sayapun *dorang* [mereka] panggil enche la “-“ So bile, tu *dorang* [mereka] panggil enche. So [jadi] nama itupun melekat. Tapi *basically* [asasnya] Emy “-“ .Emy nama manja.

AA : So [jadi] setelah dah dapat jawatan camni pun *dorang* [mereka] yang jumpa *still* [masih] menggunakan nama tu ke?

YB : *Yes* [ya]

AA : Bolehkah *Yb* [Yang Berhormat] menerangkan sedikit mengenai latar belakang *Yb*, contohnya seperti umur, tarikh lahir ?

YB : *Okay* [baiklah}, saya lahir pada *tiga belas November Sembilan belas tujuh puluh enam* [13/11/1976], ikut tahun ini, saya berusia *tiga puluh sembilan* [39]

tahunlah, dah tua dah “-“, saya dilahirkan di Hospital Besar Melaka [HBM], dan saya dibesarkan di Melaka “-“, dan hari ini “-“, saya menetap bersama ibu dan ayah satu keluarga suami dan anak-anak di Kampung Paya Debah, Masjid Tanah Melaka, dan hobi saya, masa lapang, pastinya bersiar-siar bersama family “-“, dan juga mengambil peluang untuk bersama dengan keluargalah “-“, dan melakukan riadah bersama mereka.

AA : Yb [Yang Berhormat] suka aktiviti lasak, contoh yang sering?

YB : *Ye* [ya], saya memang suka aktiviti lasak. Saya suka bersukan dan aktiviti luar maksudnya, saya *tak* [tidak] suka panjat gunung, itu saya *tak* [tidak] suka, maksudnya aktiviti-aktiviti luar yang tidak *feminine* [keperempuanan] sangat.

AA : Warna kegemaran?

YB : Saya suka *colour* [warna] biru, biru dari dululah, tapi sekarang ni, *pink* [merah jambu] pastinya Puteri UMNO kan, tapi sekarang dah ada *combination of purple* [kombinasi warna ungu], macam yang saya pakai ni. *So actually* [jadi, sebenarnya], *colour* [warna] itu *colour* [warna] itu *depend* [terpulang] lah. *Basically blue and pink* [biasanya, biru dan merah jambu].

AA : *So* [jadi] *Yb* [Yang Berhormat] ini jenis ada *tak* [tidak] yang hari ini, *ok* [baik] pakai *colour* [warna] ini. -Spesifik warna mengikut hari.

YB : Hari ini hari jumaat, *colour* [warna] hijau. *So im wearing green colour today* [Jadi, hari ini saya memakai warna hijau] kan ”-“ islam, “-“, dia agama, “-“, hari jumaat, hari yang baikkkan.

AA : **Apakah makanan dan minuman kegemaran?**

YB : Minuman kegemaran air tebu, tetapi saya dah lama *tak* [tidak] minum, saya *tak* [tidak] boleh nak minum sebab batukkan. *So* [jadi], makanan kegemaran [---], nasi kerabu kot, *so* [jadi] nasi kerabu, nasi kerabulah *it's my favaourite* [kegemaran saya]. Kalau jumpa itu, macam “-“, sukalah.

AA : **Makanan kegemaran itu biasanya buat sendiri ke?**

YB : *Tak* [tidak] ada. Ada orang yang saya gemar jer, masakkan [ketawa].

AA : **Sikap dan perwatakan, boleh tak *Yb* [Yang Berhormat] terangkan sedikit, contohnya seorang yang peramah atau rajin?**

YB : Saya seorang yang *simple* [ringkas], dan “-“, kadang-kadang orang pun *tak* [tidak] tahu saya ni *Yb*, *so* [jadi], *simple* [ringkas], *and* [dan] saya bukan jenis

banyak cakap. *So among* [Jadi antara] kawan- kawanpun saya bukan orang yang *very strict* [sangat tegas], bukannya orang yang skema. Saya suka pada *humour* [orang yang ceria] dan saya kalau dekat sekolah dulu, saya macam *naughty* [nakal] sikitlah *that's my character* [itu karakter saya], saya suka berkawan, peramahlah, *Interact that is the right words* [saling berinteraksi adalah ayat yang sesuai] la kot, and *good listener* [pendengar yang bagus], saya memang pendengar yang setia “-“, rajin.

AA : Pendengar setia, adakah memberi nasihat yang bagus?

YB : *Ye* [ya] pendengar pada masa yang sama, kalau diminta bagi nasihat saya bagi nasihatlah, ”--- “dan ada pada ketikanya kalau perlu saya akan *strict* [tegas], *basically* [asas] nya , saya tak suka ,saya suka pada perdamaian *tak* [tidak] suka pada *gaduh-gaduh* [pergaduhan] atau suasana yang tegang. Saya *tak* [tidak] berapa minat.

AA : Nama ibu dan nama ayah?

YB : Mak bernama Hajah Salbiah binti Ahmad, ayah Haji Samsuddin bin Mat Ali, kedua mereka masih lagi hidup, dan sihat, dan saya tinggal bersama mereka.

AA : Bilangan adik-beradik Yb [Yang Berhormat]?

YB : Saya anak *kedua* [2], daripada *enam* [6] adik-beradik. *Tiga* [3] lelaki dan *tiga* [3] perempuan. *Pertama* [1] kakak, saya nombor *dua* [2] yang *ketiga* [3] adik perempuan, yang *keempat* [4], *kelima* [5] *keenam* [6], adik lelaki.

AA : Nama?

YB : Nama, Mas Anizah binti Samsuddin, Mas Ermieyati, Mas Diana, *pastu* [selepas itu] lelaki, Edy Iskandar, Edy Irwan, Edy Faizwan.

AA : Kenapa memilih Mas dan Edy?

YB : Itu kena tanya, kena tanya ayah saya dan emak.

AA : Tarikh dan tahun perkahwinan?

YB : *Okay* [baiklah], saya nikah pada *lima haribulan empat dua ribu dua* [5/4/2002], [bunyi deringan telefon bimbit] *so* [jadi], tahun ini, bulan lepas adalah merupakan ulang tahun saya yang *ketiga belas* [13] lah, dan suami nama Haji Muhammad Helmi bin Abdul Talib, anak tunggal lelaki daripada *tiga* [tiga] orang adik-beradiklah, yang lain semua perempuan. *Kedua* [2], *ketiga* [3], semua perempuan. Dia anak sulung, *kedua* [2], ibu dan ayah dia telah tiada.

Masa saya nikah dengan dia pun dah memang *tak* [tidak] ada dah.

AA : Nama timangan kalau tak kisah untuk berkongsi?

YB : Nama dia Muhammad Helmi bin Abdul Talib, *so* [jadi] nama timangan suami orang panggil dia Helmi. Saya panggil dia *By* [nama panggilan] (ketawa).

AA : Pekerjaan suami *Yb* [Yang Berhormat]?

YB : Dia meniaga dan diapun ada syarikat bersama dengan adik beradik dia, syarikat jenis *transportation* [kenderaan]. Tapi sebab saya dah sibuk, *so* [jadi], saya bertuahlah Sebab bila dia bekerja sendiri, maksudnya dia ada masa sendiri, dia *look after* [menjaga] anak- anak dan keluarga saya.

AA : Berapakah bilangan anak?

YB : Saya baru ada *empat* [4]"-“, *empat* [4] anak , lelaki semuanya. *Satu* [1] darjah *enam* [6], Muhammmad Haikal bin Muhammad Helmi, *then* [kemudian] Muhammad Hakim, darjah *lima* [5], nombor *tiga* [3], Muhammad Hafi, dan yang nombor *empat* [4], Muhammad Hasif.

AA : Ada rasa nak tambah lagi ke?

YB : *Yes, I'm looking forward another one, but* [ya, saya tengah berusaha untuk mendapatkan satu lagi] doktor kata “-“, sebab saya empat-empat *ceaser* [pembedahan] *so* [jadi] doktor kata boleh ada *satu* [1] lagi, boleh dapat perempuan. *Insyallah* [mudah-mudahan].

AA : Makanan kegemaran *dorang* [mereka]?

YB : Mereka suka makan *spaghetti* [pasta] macam *the first one* [yang pertama] *spaghetti* [pasta] kalau makan nasi, yang nombor *satu* [1] itu, dia suka lauk kari, yang nombor *dua* [2] itu dia suka, dia memang pemakan, dia suka lauk cili padi, masak lemak cili padi.

AA : Aktiviti yang digemari atau dilakukan oleh *Yb* [Yang Berhormat] bersama keluarga?

YB : Selalunya sebab nombor *satu* [1] dan nombor *dua* [2] dia aktif dalam sukan taekwando itu, *so* [jadi] kalau saya ada, saya akan keluar ikut, *follow* [ikut] keluar, dia nye [training] *training* [latihan] kalau saya ada masa sebab saya pun memang minat taekwando dulu, cuma saya *tak* [tidak] sempat habiskan sampai *black belt* [tali pinggang hitam] sampai “-“ hijau *je* [sahaja] dulu.

AA : *Dorang* [mereka] ade ke kelas taekwando?

YB : Ada, koruyo Melaka, dan mereka pun aktif masuk dalam pelbagai pertandingan pernah, banyak menanglah di peringkat nasional koruyo punya "-----".

AA : Apakah petua yang *Yb* [Yang Berhormat] dalam mendidik anak-anak sebab *busy* [sibuk] macam ini dengan hendak didik anak-anak lagi?

YB : Pada saya, anak-anak ini adalah ibarat kain putih, dan pulangkan pada kita macam mana kita corakkan anak-anak, dan mereka ini semua ada potensi masing-masing. Ada kelebihan dan juga kelemahan mereka. Sebab itu, kita kena cungkil *dorangnye* [mereka] kekuatan, kelebihan *dorang* [mereka] dan potensi, dan saya "--", memang *tak* [tidak] banyak masa saya dapat *spend* [luangkan] jadi itu saya rasa pengorbanan, bukan saya saja berkorban dan anak-anak saya juga melakukan pengorbanan dengan tidak ada saya di sisi merekalah, dengan waktu-waktu yang penting mereka, tetapi "--", saya amat bertuah sebab suami ada, untuk menjalankan tugas, sebagai ibu dan juga sepatut dilakukan ibu, dilakukan oleh suamilah dan juga dibantu oleh emak saya dan abah sayalah. Petua "--", [berdehem] dan petua maksudnya kita kena bersabar, *satu* [1] pastinya, *kedua* [2] saya rasa kita patut jadi kawan kepada anak kita, kita kena faham mereka.

AA : Contoh kalau *dorang* [mereka] buat masalah, macam mana cara *Yb* [Yang Berhormat] menasihati *dorang*, dengan cakap secara baik?

YB : *It depends* [terpulang] pada kesalahan yang dilakukan, selalunya, kita akan tegurlah, kesalahan macam *tak* [tidak] bagus kalau dia buat, kita bagi teguran, tetapi, kalau yang macam, sebab *dorang* [mereka] *dah* [sudah] besarkan. *So* [jadi] saya bagi suami saya uruskanlah (ketawa), sebab saya *tak* [tidak] boleh, sebab *I think husband* [saya rasa suami] saya lagi rapat, *kita orang* [kami] bahagi, *okay* [baiklah] nombor *satu*, [1] nombor *dua* [2], dia *handle* [urus], tetapi saya yang kecil, *so* [jadi] yang kecil yang *tiga* [3], *empat* [4] dia *attach* [berhubungan rapat] saya, yang besar-besar *attach* [berhubungan rapat] dengan bapa dia .

AA : Bagaimanakah *Yb* [Yang Berhormat] membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya?

YB : Macam saya cakap tadi, saya dapat *dua puluh empat* [24] jam, Perdana Menteri dapat *dua puluh empat* [24] jam, awak belajar pun *dua puluh empat* [24] jam, tukang sapu pun *dua puluh empat* jam [24] jam, *it's how kita manage our time* [macam mana kita uruskan masa kita]. Tapi maksudnya kita kena curi-curi masa, contoh, kalau saya ada masa, saya ada *break* [rehat] dalam *satu* [1] *hour* [jam] tu, saya boleh balik rumah *jap* [sekejap] lari, dan saya boleh balik rumah untuk jumpa dengan *dorang* [anak-anak saya] sebab kalau saya dah balik

malam, saya tak akan jumpa *dorang* [anak-anak saya] saya jumpa *dorang* [anak-anak saya] dah tidur, itu curi masa *jelah* [sahaja], *and then* [dan kalau] pagi saya ada *appointment and meeting* [perjumpaan dan mesyuarat] saya akan curi masa akan hantar mereka ke sekolah, *atleast* [sekurang-kurang] masa diorang [mereka] *nak gi* [hendak pergi] sekolah tu, kita boleh bersempang sekejap dan tengok apa dia punya *progress* [perkembangan].

AA : Anak-anak Yb [Yang Berhormat] terasa tidak macam perbezaan sebelum dapat pangkat macam ini sebab sebelum ini, pernah *tidak dorang* [anak-anak] menyuarakan?

YB : Terasa, pernah , tapi saya *explain* [terangkan] maksudnya *bila* [apabila] saya dah jadi *Yb* [Yang Berhormat] *ni* [ini], *so* [jadi] abang long kena faham dah jadi *Yb* *ni* [ini] , *dorang* [mereka] kena faham, saya *ni* [ini] *belong to the* [hak milik kepada] rakyat. Jadi, maksudnya dia kena fahamlah, bukannya saya *tak* [tidak] sayang tetapi, tanggungjawab tu menuntut untuk saya perlu untuk perlu berada dengan masyarakat lebih walaupun terpaksa meninggalkan *family* [keluarga] *so* [jadi], *slowly they understand* [perlahan-lahan mereka memahami], dan juga *dorang* [mereka] akan tanya, “ibu balik bila?” ”ibu ada *meeting* [mesyuarat] *tak* [tidak] lepas ni?” *So* [jadi], saya tahu bila dia tanya macam *tu* [itu] dia nak saya adalah [kehadiran], maksudnya saya, saya akan *compliment* [beri penghargaan] mereka dengan *treat* [belanja] *so* [jadi] “kita keluar makan “, nanti ibu bawa

pergi beli buku sekolah.

AA : Setiap orang hidup dia mesti mesti ada moto, *so* [jadi] apa moto hidup *Yb* [Yang Berhormat]?

YB : Saya selagi kita dibagi tanggungjawab, kita buat sehabis baik, maksudnya, dibagi peluang kita buat sehabis baik. Peluang itu datang sekali, kita *tak* [tidak] tahu, jadi bila kita ada peluang *ni* [ini], kita buat sehabis baik, macam mana sukar pun kita buat dengan terbaik, sebab kita tahu ada orang tak dapatpun peluang tu, jadi pada masa yang sama, kita bersyukur dan muhasabah diri. That is my “---“, *simple* [ringkas], tapi saya rasa amat *relevent* [diterima akal] (ketawa).

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN AWAL

AA : Latar belakang pendidikan awal, dimanakah Yb [Yang Berhormat] bersekolah rendah?

YB : Saya darjah *satu* [1] sampai darjah *lima* [5], dekat sekolah “---“, *Methodist Girls School 2* [Sekolah kebangsaan Perempuan 2] Tengker, lepas itu, saya sambung sekolah darjah *enam* [6] dekat Sekolah kebangsaan Ramuan Cina Besar, dan saya sekolah menengah dekat Sekolah Tun Fatimah Johor Bahru. Saya dapat lima [5] A masa darjah *enam* [6], dan dapat tawaran sekolah berasrama penuh Sekolah Tun Fatimah.

AA : Adakah Yb [Yang Berhormat] selalu menyertai apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah, macam aktif *tak* [tidak] *kat* [dekat] sekolah?

YB : Saya memang aktif, saya memang *all around that* [terlibat dalam semua] maksudnya saya memang aktif sukan, saya aktif kokurikulum, saya aktif persatuan, dan dekat sekolah, dan masa sekolah dulu, saya sertai acara balapan lumba lari *seratus* [100] meter, *empat kali seratus* [4x100], larian berpagar *seratus* [100] *ten* [sepuluh] *per those* [acara] begitu juga dengan pasukan, saya mewakili sekolah untuk *basketball* [bola keranjang].

- AA : *Basketball* [bola jaring] ini waktu *Methodist* [sekolah kebangsaan] kan?
- YB : Waktu *Methodist* [sekolah kebangsaan] tidak, *Methodist* [sekolah kebangsaan] saya lari, sekolah rendah saya lumba lari dengan *netball* [bola jaring] tapi bila sekolah menengah ini, *basketball* [bola keranjang] dan pencapaian tertinggi maksudnya *basketball* [bola keranjang] lah tapi di peringkat Daerah Johor Bahru dan [berdehem] dan selepas itu, saya sambung ,saya dapat lepas di Sekolah Tun Fatimah, masa *kat* [dekat] Tun Fatimah, saya dapat dari tingkatan *satu* [1] sampai *lima* [5]saya dapat biasiswa Petronas, dibawah tajaan biasiswa Petronas dan apabila habis di Sekolah Fatimah, saya sambung matrikulasi undang-undang di *Universiti Kebangsaan Malaysia* [UKM] matriks di dalam universiti dekat Bangi, duduk dalam kampus. *So* [jadi] lepas *dua* [2] tahun, selepas itu tamat matriks, *dua* [2] tahun *and then* [saya pun] dapat sambung *degree* [Ijazah Sarjana Muda] di fakulti undang-undang di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia]. Saya juga ambil undang-undang *empat* [4] tahun. *So* [jadi] selepas habis dalam *empat* [4] tahun itu, saya *graduated* [tamat belajar] dan buat *chambering* [latihan peguam] adalah latihan dalam mahkamah, untuk siapa nak jadi peguam, kena buat *chambering* sembilan [9] bulan. Habis dekat UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] *chambering* [latihan peguam] pada masa yang sama itu, saya buat *Diploma in Syariah in Legal Practise* [DSLPP] dekat *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] saya sambung selama *dua* [2] tahun.

AA : Bidang perundangan memang bidang yang diminati?

YB : Sebab saya nak jadi peguam masa itu, ada masa saya kecil saya berpeluang ikut ibu saya ke mahkamah, *and then* [saya pun] tengok *apasal* [kenapa] dorang [orang-orang di dalam mahkamah, seperti peguam, hakim] cakap dalam mahkamah ni suara *tak* [tidak] kuat, sebab itulah saya *nak* [hendak] jadi peguam, saya *nak* [hendak] cakap kuat-kuat dalam mahkamah. Itu je [sahaja], tapi bermula dari situ, saya menanamkan cita-cita untuk menjadi seorang peguam.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENDIDIKAN DI UNIVERSITI

AA : Adakah mendapat sokongan apa-apa dalam pengambilan bidang perundangan?

YB : Ya, kalau tidak pun dalam perundangan, *my second option* [pilihan kedua saya] adalah untuk *business* [perniagaan] sebab Abah [panggilan bapa] memang *businessman* [usahawan], saya memang minatlah ”-“.

AA : Kaedah belajar yang diamalkan?

YB : Oh, saya bukannya *kaki buku* [rajin membaca], dan saya bukannya *kaki library* [perpustakaan] saya suka hati saya *je* [sahaja].

AA : Jenis suka buat kerja *last minute* [saat-saat akhir]?

YB : Lebih kurang (ketawa), *so* [jadi] tapi, saya suka bila *study* [belajar] itu, bila belajar saya *tak* [tidak] boleh ramai-ramai, saya kena sendiri, saya kena membaca sendiri, tetapi *revision* [ulangkaji] kita akan ada satu *group* [kumpulan] dan kita buat, kita akan bertanya, dan kita buat *it's a part of mind mapping* [sebahagian daripada peta minda], masa tu kita bentuk *mind mapping* [peta minda], *and then* [dan selepas itu] kaedah-kaedah lain, sebab semasa saya ambil dekat *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] itu, kita banyak perlu

hafal. *So* [jadi] dari segi bila ada kumpulan, *geng-geng* [kumpulan] yang sama kaedah ni, kita bertukar *mind maping* [peta minda] yang ini, kita berkongsi *mind mapping* [peta minda] yang sama dan juga bentuk yang sama.

AA : Yb [Yang Berhormat] memang suka *mind mape* [peta minda]?

YB : Ya.

AA : Subjek yang tidak digemari semasa belajar?

YB : Saya *tak* [tidak] suka, dulu saya *tak* [tidak] suka sains. *I hate science* [saya benci sains].

AA : Kenapa?

YB : Sebab memang *tak* [tidak] minat sangat (bunyi motor).

AA : Kenangan ataupun memori terbaik yang Yb [Yang Berhormat] tidak dapat lupakan semasa pengajian?

YB : Bila dekat *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] ini banyaklah pengalaman, pengalaman baik memang banyak, tapi cuma macam saya cakap saya ini bukan

yang jenis yang bukan *minah* [perempuan] yang skema, saya pun memang jenis yang *tergejal* [nakal], tapi boleh tahanlah, tapi saya jenis yang suka berkawan dan kawan-kawan pun bila saya dapat jadi *Yb* [Yang Berhormat], kawan-kawan saya pun macam *tak* [tidak] percaya karakter saya itu. Saya pun bukannya suka mengusik (bunyi air) tapi maksudnya kita jenis, memang *ni* [macam ini] lah”---
“, pastinya masa saya kat *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], yang paling apa, *its different* [berbeza], masa *kat* [di] sekolah lain kita *nya* [punya] circle [persekitaran] bila dekat *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] lain dia punya *circle* [persekitaran] masa dekat kamsis lah, masa saya berada di Kajang, banyak la *moment-moment* [kenangan] dengan sahabat di sana ”-“, terlalu banyaklah.

AA : Bila ada kenangan baik, mesti ada kenangan pahit?

YB : Dekat *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], apabila ”-“ [bunyi ketuk] apabila kawan baik satu bilik ada terlibat dalam kemalangan *and then* [dan selepas itu] kita satu *batch* [jurusan] itu dorang [pihak pentadbiran] *detect* [kesan] bahawa dia *tak* [tidak] ada *liciences* [lesen memandu], *so* [jadi] kita satu *batch* [jurusan] itu menghadapi kesusahan disebabkan oleh dia seorang, itulah kenangan pahit Sama juga, bila saya punya *bestfriends* [kawan karib] meninggal daripada kanser *Leukemia* [penyakit darah putih lebih dari darah warna merah], yang selalu belajar sama, yang buat *mind mapping* [peta minda].

AA : Rahsia atau tips yang ingin dikongsikan sewaktu belajar dalam perundangan ini?

YB : Kalau kita ambil perundangan ini, kita *advantage* [kelebihan] *satu* [1], bila kita melibatkan ilmu dalam undang-undang kita, *so* [jadi] kita dari segi untuk pasaran, kebolehpasaran kerja *tu* [itu] amat tinggi, maksudnya kita boleh dalam bidang *admin* [pengurusan], kita boleh dalam bidang undang-undang. Kita boleh dalam pelbagai bidang. Jadi yang saya nak cakap, masa kita belajar, kita belajarlah dengan baik. Kita buat dengan baik. Satu benda yang saya *ralat* [kesal] masa saya belajar, saya tidak menghabiskan masa adalah tidak berjumpa dengan pensyarah-pensyarah. Saya rasa itu patut dilakukan oleh semua pelajar. Maksudnya ada hubungan baik dengan pensyarah kerana pensyarah *ni* [ini], ibarat kitanye punya *master* [guru], dia boleh *guide* [bimbing] kita. Tetapi, saya berjumpa dengan pensyarah-pensyarah maksudnya dalam *ni* [ini], dah banyak saya jumpa pensyarah-pensyarah dulu dan saya amat berbanggalah apabila masa waktu saya belajar dulu, *tak* [tidak] berapa kenal, tapi bila saya dah jadi *ini* [berjaya], mereka kenal. Bukan *tak appreciate* [tidak hargai] tapi dulu mereka tak kenal kita pun. Maksudnya kita tahulah *dia* [pensyarah], tapi hubungan itu selepas habis belajar lebih baik *compared* [berbanding] masa waktu belajar, *so* [jadi] rasa kalaulah saya baik dengan *dorang* [pensyarah-pensyarah] masa belajar itu, mungkin saya boleh jadi *top scorer* [pelajar yang mendapat markah yang tertinggi dalam setiap peperiksaan] sebab saya dapat tips-tips yang baik daripada dia. *I think* [saya rasa] semua orang patut ambil

kesempatan itu.

AA : Sewaktu belajar kita akan mempunyai kawan rapat yang macam Yb cakap, bila dah ada pangkat, adakah Yb masih jumpa dengan *diaorang* [mereka]? *Reunion* [perjumpaan] dengan *dorang* [kawan-kawan]?

YB : *Yes* [ya] macam saya cakap, saya memang bab kawan ni, saya memang lebihkan sikit, sebab itu, macam mana saya sibuk pun saya akan pastikan saya luangkan masa dengan kawan-kawan sekolah. Saya akan luangkan masa dengan kawan-kawan universiti. Saya tahu sebab, *I* [saya] jumpa dengan kawan-kawan universiti *last week* [minggu lepas]. *I make* [saya membuat] saya akan ambil peluang untuk bersama dengan *dorang* [kawan-kawan], sampai *dorang* [mereka] cakap, “kau Yb pun, kau boleh lari jumpa dengan *kitaorang* [kami]”, maksudnya kawan saya yang lain itu, dia ada *kat* [dekat] *KL* [Kuala Lumpur] itu, dia *tak* [tidak] adalah sibuk mana, tapi selalu *tak* [tidak] dapat jumpa, *tak* [tidak] dapat *commit* [berjumpa].

AA : Dekat Melaka ini ada *tak* [tidak] yang kawan rapat, kawan masa belajar ke?

YB : Ada, kawan masa sekolah rendah lah. Sebab dekat Melaka ni [ini] saya sekolah rendah. Sekolah menengah kat satu Malaysia kan.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PEKERJAAN AWAL

AA : **Pekerjaan awal setelah tamat pengajian?**

YB : *Okay* [baiklah], pekerjaan awal saya selepas habis *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] itu, saya buat *chambering* [latihan peguam]. Saya terus dapat tempat untuk *chambering* [latihan peguam], *tak* [tidak] ada masa *senggang* [lapang], cuma sebelum ini, saya bantu makcik saya, di kantin dekat Kem Warsyha.

AA : **Buat *chambering* [latihan peguam] kat mana? Syarikat?**

YB : Saya buat *chambering* [latihan peguam] kat Tetuan Nordin syarikat peguam, Nordin & Co Melaka, Tan Sri Ahmad Nordin. Allahyarham baru meninggal saya punya *master* [guru]. Selepas itu, *chambering* [latihan peguam] saya dapat tawaran bekerja di Tetuan Khairul Latiff & Associate di Tengkeru, *dua* [2] tahun *then* [selepas itu], saya mendapat tawaran bersama Tetuan Adillah & Co. Lepas Adillah, saya bersama dengan kawan-kawan *decide* [membuat keputusan] untuk buka *firm* [syarikat guaman] sendiri di bawah Tetuan Ermeynizam & Ho. *Ermeynizam* [E-R-M-E-Y-N-I-Z-A-M] & Ho, *tiga* [3] orang. Kita bermula dengan *tiga* [3] orang *partner* [rakan kongsi], dan selepas *sepuluh* [10] tahun, kita bermula pada *dua ribu enam* [2006] ke *dua ribu lima* [2005], maksudnya selepas *sepuluh* [10] tahun, tahun lepas, *dua ribu empat belas* [2014], kita bermula dengan *dua ribu empat* [2004], sampai *dua ribu empat belas* [2014],

maksudnya *company* [syarikat] itu kita *split* [pisahkan] maksudnya kita *tak* [tidak] lagi meneruskan rakan kongsi tersebut. Dan bermula pada awal tahun *ni* [ini], saya bersama dengan Tetuan Anasyaranah Anuar & Co sebagai senior Associate. Saya ditugaskan menjaga Cawangan Melaka. *Okay* [baiklah], walaupun pada awalnya, macam banyak *adjustment* [perubahan] yang perlu dibuat, tapi *Alhamdulillah* [bersyukur] benda ini dah nampak semakin baik, kita *looking forward* [melihat ke hadapan] untuk Ansyaranah & Co ini di Melaka, dan *tu* [itu] sekarang, pekerjaan saya, Peguam.

AA : Adakah Yb berasa selesa dengan kedudukan sekarang?

YB : Selesa maksudnya selesa ada *dua* [2] maksud, *pertamanya* [1] maksudnya selesa dari segi *financial* [kewangan] dan pastinya tidaklah sebab, apabila jadi wakil rakyat kita banyak tuntutan keperluan yang kita perlu kongsi bersama rakyat. Kadang-kadang kita *tak* [tidak] payah pergi jauh, maksudnya kadang kalau ada orang meninggal atau orang kahwin saja dah berapa dah. Dalam seminggu berapa kan? Sebab itu, saya rasa saya perlu bekerja juga untuk *survive* [hidup] untuk meneruskan kehidupan dan macam hari ini pun, saya bukanlah apa, saya *tak* [tidak] adalah mewah, tetapi maksudnya, bolehlah. Saya masih ada hutang. *So* [jadi] macam orang cakap, “senang jadi Yb ni”. Saya menolak persepsi bahawa menjadi *Yb* [Yang Berhormat] anda akan jadi kaya. Tidak sama sekali. Saya masih lagi terima notis, telefon saya masih lagi kena *bar* [dipotong], saya

sama macam rakyat Malaysia yang biasa. Tapi, itu *asam garam* [pengalaman] menjadi seorang *Yb* [Yang Berhormat], dan saya yakin dan percaya itu, walau itu berlaku, tetap tidak mematahkan semangat saya untuk berkhidmat pada orang ramai dan juga masyarakat.

AA : Tempat pekerjaan *Yb* [Yang Berhormat] sekarang?

YB : Untuk pusat khidmat saya, pusat khidmat saya di sini, Parlimen Masjid Tanah. Bawah dijadikan pejabat, atas ada *library* [perpustakaan] dan atas ada saya punya bilik. Untuk Tetuan Anasyarah & Co di Sungai Udang dan untuk pejabat-pejabat Malaysia di *PWTC* [Putra World Trade Centre] dan saya rasa selesa. Sambung balik dengan saya punya bidang, saya rasa banyak lagi yang perlu saya lakukan. Saya baru *dua* [2] tahun jadi wakil rakyat, apatah lagi saya merupakan wakil rakyat yang *pertama* [1] wanita dalam negeri Melaka. Masih banyak benda lagi yang perlu saya lakukan untuk buktikan bahawa wanita sebenarnya sama dengan lelaki malah, jauh lebih baik lagi menjadi wakil rakyat sebagai seorang wanita. Itulah maksudnya, cabaran yang perlu saya lalui. Itulah *tak* [tidak] berapa selesa lagi. Saya perlu bekerja dengan lebih tekun dan rajin.

AA : Apakah yang dilakukan dalam memastikan pekerjaan Yb [Yang Berhormat] sentiasa berkualiti?

YB : *Pertama* [1] nya kena ada jadual (bunyi deringan telefon bimbit) yang *kedua* [2] disiplin, *ketiga* [3] pasukan yang mantap. Mantap itu maksudnya dari segi kerjasama, dari segi integriti dari segi disiplin dan sebagainya pasukan kakitangan. *Keempat* [4] saya kira perlu ada keikhlasan, sebab apabila ada keikhlasan dia akan terpancar pada muka, dan pergaulan dan hasil itu sendiri. Kalau kita *tak* [tidak] suka buat, kita bentak-bentak, benda itu nanti akan terpancar *kat* [dekat] air muka kita, “eh, dia ni macam kena paksa je kan“. Jadi benda itulah sebab itu, kita kena ada satu pasukan yang mantap, bukan saja mantap, tetapi pasukan yang memahami kita bagaimana yang boleh faham, dia boleh membantu kita.

AA : Adakah Yb [Yang Berhormat] seorang yang berani dalam melontarkan idea atau mencadangkan sesuatu usul?

YB : Saya suka bagi pendapat, tetapi saya lihat, kadang-kadang juga, maksudnya kalau perkara itu, saya rasa saya cakap, walaupun saya cakap akan *effect* [beri kesan] saya, walaupun saya akan terima natijahnya yang akan beri kesan pada saya, saya *tak* [tidak] kisah. Benda itu, saya perlu cakap, saya akan cakap juga.

- AA : Bila nak cakap kan sesuatu kritikan tu, kena ada fakta, macam mana Yb [Yang Berhormat] ambil tahu current issues [isu semasa]?**
- YB : Kita kena ada pasukan yang mantap, *researcher* [penyelidik] dan mereka ini yang banyak yang ada *supply* [beri] maklumat dan juga fakta-fakta yang saya perlulah dan [berdehem] sebab itu, saya minta contoh, kalau kita *tak* [tidak] sempat baca semua *newspaper* [surat khabar], saya minta saya punya pegawai baca *and you brief* [terangkan pada saya]. Kadang-kadang ada banyak benda yang kita terlepas, saya mungkin baca *Berita Harian* [media cetak] tetapi dalam *The Star* [media cetak] ada *report* [maklumat] benda lain yang *tak* [tidak] ada dalam benda ini, *atleast* [sekurang-kurangnya] kita boleh *counter* [rujuk] balik.
- AA : Macam mana Yb [Yang Berhormat] boleh percaya dia akan bagi maklumat yang betul? Separuh orang, dia baca tetapi kadang-kadang maklumat yang dia sampaikan jadi lain.**
- YB : Macam itu, kadang-kadang *you* [awak] boleh rasa, kadang-kadang ada *counter check* [rujuk semula] *juga* [tak percaya satu sumber]. Bukannya percaya satu *je* [sahaja], dia ada banyak juga sumber.

AA : Contoh kiranya kalau ada satu isu itu yang, *Yb* [Yang Berhormat] sendiri kurang pasti dan *nak* [hendak] tanya. Pada biasanya berbincang dengan siapa kalau nak tanya? Seperti, “apa pendapat awak tentang ini?”

YB : Saya *depend* [bergantung]. Selalunya pada siapa yang tahu pasal isu ini lah. Contoh pasal isu yang *Duke* [kemalangan di Lebuhraya Duke]. Yang pasal kemalangan itu kan saya dapat maklumat *WhatsApp* [aplikasi telefon]. Semua cakap, “apa ahli-ahli Puteri UMNO ni semualah”. Lepas itu, saya tengok *Facebook* [media sosial] pun ada juga ahli puteri. Lepas itu, saya paksa ibu pejabat *check* [semak] budak ini [Yana ahli kelab Myvi] puteri ke tidak? *Then* [apabila] bila saya *confirm* [pasti] dia bukan ahli puteri, saya cakap, “saya nak *printscreen you all* [mencetak skrin kamu semua] punya ini”. Bukannya cakap mulut je [sahaja]. *Printscreen* [mencetak skrin] *nak* [hendak] tengok betul tidak. Dalam sistem ada ke tidak. Bila kita *confirm* [mengesah] kan dengan *admin* [pentadbiran] memang tidak ada. Dia tidak berdaftar so [jadi] baru saya buat *pressreview* [media konferen] sebab bukan main-mainkan.

AA : *Yb* [Yang Berhormat] ada berjumpa dengan anak arwah kan?

YB : *Aah* [Ya] (mengangguk).

- AA : Harapan Yb [Yang Berhormat] terhadap kerjaya yang diperolehi hari ini?**
- YB :** Saya mengharapkan sebagai wakil rakyat, maksudnya saya masih lagi sedang berusaha untuk membawa pembangunan, kebaikan yang boleh kita bawa untuk orang Masjid Tanah. Dan saya juga mengharapkan agar segala apa yang kita bawa untuk hari ini, dimanfaatkan sebaiknya masyarakat semua di Masjid tanah. Baru *dua* [2] tahun, *so* [jadi] saya belum dapat banyak buat ”---“.
- AA : Macam mana Yb [Yang Berhormat] menghadapi, tak semua orang akan sokong Yb [Yang Berhormat] *so* [jadi], macam mana, bila berhadapan dengan *diaorang* [mereka] dan *nak* [hendak] yakinkan orang Masjid Tanah ni, Yb [Yang Berhormat] boleh walaupun perempuan?**
- YB :** Yang *pertama* [1] nya, persepsi. Macam mana kita nak mengubah persepsi itu adalah dengan melalui komitmen dan gerak kerja kita. Hasil daripada gerak kerja kita. Yang *kedua* [2] nya bantuan melalui media. Dan media sosial itu semua penting, saling berkait rapat, supaya orang tahu yang kita lakukan dan hasilnya itu diterjemahkan melalui hasil. Contoh, macam hari itu, saya pergi tolong dekat Permatang Pauh dengan Rompin. Apabila berada di tempat orang, kita *satu* [1] nya baik. Kita melihat tempat orang, “oh baiknya tempat kita lagi “. Bila kita melihat tempat orang, kita akan muhasabah diri, “oh kesian, kenapa boleh jadi macam ini?”, “kenapa boleh masih ada masalah yang rakyat?” yang maksudnya masih ada orang yang hidup macam susah dan masih ada masalah

yang *tak* [tidak] dapat diselesaikan. Jadi bila balik itu, saya muhasabah diri, maksudnya dalam keadaan penat pun, saya ambil masa *dua* [2] jam, saya cakap dengan saya punya pejabat, saya nak melawat. *Please* [tolong] aturkan saya nak pergi, saya nak pergi melawat dekat satu kampung ini sebab saya sibuk sebagai Ketua Puteri Malaysia, saya perlu bertugas dengan kedua-dua pihak pilihanraya kecil, dekat Permatang Pauh dengan Rompin. *So* [jadi] saya *tak* [tidak] *nak* [hendak] orang Masjid Tanah bercakap, “*Yb* [Yang Berhormat] ini heboh kat tempat lain, tapi tempat sendiri *tak* [tidak]”. Walaupun saya sendiri memang letih, saya cakap, “*no* [tidak]”, *Dua* [2] jam saya nak pergi buat, dapat melawat *enam* [6] biji rumah, dan lebih *sepuluh* [10] orang tua saya dapat jumpa dan juga bagi sumbangan seorang *satu* [1]. Itu kepuasan, dan saya kongsikan pengalaman saya dalam *Facebook* [laman sosial]. Jadi di situ, maksudnya, kita walaupun terkekang masa, tetapi kita cuba buat yang terbaik dan kita boleh kalau kita nak.

AA : *Yb* [Yang Berhormat] akan bekerja lebih *dua puluh empat* [24] jam? Sekiranya malam pun?

YB : Dulu saya dilatih, saya *tujuh* [7] tahun bersama dengan Mantan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Ali Rustam. Dia macam *sifu* [guru] jugalah. Bekerja dengan beliau adalah seumpama bekerja tanpa rehatlah. Sebab kita tak tahu macam mana dia rehat. Dan saya banyak belajar tentang *green shoots networking* [rangkaiian kepada ekonomi untuk kurangkan jumlah pekerja dan meningkatkan

jualan runcit serta keyakinan pengguna] semua daripada dia, dan hari ini pun yang saya lakukan juga, adalah sewaktu saya menjadi Pegawai Setiausaha Perhubungan Khas kepada beliau. Siapa yang perlu dibantu kita bantu. *Waima* (walaupun) sikitpun kita bantulah.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SUMBANGAN, PENCAPAIAN & ANUGERAH

AA : Sebagai Ahli Parlimen Masjid Tanah, apakah sumbangan yang diberikan kepada penduduk?

YB : Bermula sebagai ahli parlimen pada bulan *lima* [5], *dua ribu tiga belas* [2013]. Jadi saya melihat bahawa dekat Parlimen Masjid Tanah *ni* [ini] dia *dah* [sudah] membangun cuma masih banyak lagi yang perlu kita terokai potensi yang ada dekat Parlimen Masjid Tanah, dan masa saya berkempen, saya tahu saya sedar saya diangkat dari suara orang muda saya dipilih kerana saya pemimpin dikalangan orang muda. Sebab itu masa waktu saya kempen saya beritahu, saya harap akan ada satu tempat bersukan maksudnya stadium mini di dalam Masjid Tanah. Jadi, Alhamdulillah kita telahpun dapat peruntukan dari Kementerian Belia dan Sukan. Dekat Malaysia *ni* [ini] ada *tiga* [3] sahaja yang lepas dan *pertamanya* [1] tempat Rembau kepunyaan maksudnya Yang Berhormat Menteri sendiri, yang keduanya timbalan Menteri di Tapah dan *ketiganya* [3] orang Masjid Tanah patut bangga kita dapat maksudnya mini stadium tersebut. Hanya *tiga* [3] parlimen sahaja yang dapat peruntukan telahpun diluluskan dan telah bermula maksudnya pembangunan tempat di Lendu dalam tahun *ni* [ini] juga telah mula dan selain itu juga, saya melihat bahawa perlu kepada membangunkan dan juga membangunkan pelancongan dalam Masjid Tanah ini sangat berpotensi. Kita ada laut, kita ada sungai dan kita ada aktiviti-aktiviti ekonomi yang boleh kita kongsi dengan pelancong-pelancong dalam dan

luar negara. Dan sebab itu saya melihat bahawa hasil potensi yang ada dekat Masjid Tanah ini perlulah dimanfaatkan dan juga digunakan sebaik mungkin dan banyak selain daripada itu juga banyak selain daripada tu hasil daripada yang diberikan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi infrastruktur dari segi pembangunan di setiap Dun saya kongsi di *kelimailima* [5] Dun. Maksudnya bentuk peruntukan yang saya dapat, saya sumbangkan balik kepada Dun-dun untuk projek di dalam kampung contoh betulkan jalan, betulkan rumah orang kampung, betulkan jalan raya dan sebagainya, dan apa saya kira (berdehem) perkara itu tidak semua parlimen dekat Malaysia berkongsi peruntukan yang mereka ada dengan *Yb* [Yang Berhormat] Dun tetapi di Melaka saya lihat bukan saya seorang tetapi *Yb* [Yang Berhormat] parlimen lain kita ada *empat* [4] di bawah Barisan Nasional kongsi apa yang mereka ada untuk bersama-sama dimanfaatkan oleh *Yb* [Yang Berhormat] kawasan juga dan selain daripada itu juga apabila saya mengambil alih Parlimen Masjid Tanah ini dari Abu Seman Bin Yusof yang Mantan Ahli Parlimen Masjid Tanah yang juga titikberatkan soal pendidikan jadi saya meneruskan legasi beliau. Di mana beliau, telah lahirkan banyak pusat *IPTA* [Institusi Pengajian Tinggi Awam] di dalam Parlimen Masjid Tanah dan disitu yang membawa pembangunan yang pesat didalam Parlimen Masjid Tanah. Hasil daripada adanya *MRSM* [Maktab Rendah Sains Mara] adanya *KKTM* [Kolej Kemahiran Tinggi Malaysia] adanya *IKBN* [Institusi Kemahiran Belia Negara] (deringan telefon) Kolej Risda, Kolej Komuniti dan sebagainya hasil daripada mantan terdahulu dan saya meneruskan

legasi dari segi modal insan dalam Parlimen Masjid Tanah sebab itu infrastrukturnya sudah ada sekarang bagaimana untuk pengisian yang kita perlu bawa kepada anak-anak dalam Parlimen Masjid Tanah sebab itu saya menitik beratkan tentang soal pendidikan dan kita menubuhkan dengan Sekretariat Pendidikan Parlimen Masjid Tanah. *The only* [hanya] sekretariat yang saya tubuh adalah Sekretariat Pendidikan dan kita mulakan dengan penghargaan dan hadiah untuk pencapaian mereka yang berjaya dalam peperiksaan bukan hanya diperingkat sekolah *UPSR* [Ujian Penilaian Sekolah Rendah], *PT3* [Pentaksiran Tingkatan Tiga], *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] dan *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran] sahaja tetapi untuk sekolah *JAIM* [Jabatan Agama Islam Melaka] *UPKK* [Ujian Penilaian Kelas KAFA] pun sama. Kita memberikan penghargaan dan juga hadiah kepada anak-anak yang telah berjaya. Dan saya rasa di masjid tanah ini, anak-anak masjid tanah berpotensi cemerlang dalam pelajaran. Memang dari dulu lagi kita lihat bahawa memang potensi itu kalau kita tidak jaga tidak pantau dari semasa ke semasa saya rasa susah untuk kita kekalkan kecemerlangan. Tapi saya kena percaya dengan adanya sekretariat kerjasama yang baik daripada *PPD* [Pejabat Pendidikan Daerah], *JPN* [Jabatan Pendidikan Negeri] dan Kementerian Pendidikan Malaysia saya yakin dan percaya bahawa modal insan anak-anak dalam Parlimen Masjid Tanah ini akan mencapai kejayaan yang cemerlang.

AA : Tadi kita bercerita tentang sumbangan menjadi ahli parlimen. Ini sumbangan pula sepanjang memegang jawatan sebagai Ketua Puteri UMNO Malaysia?

YB : Saya menjadi Ketua Puteri UMNO Malaysia pada tahun *dua ribu tiga belas* [2013] pada bulan Oktober, sudah setahun lebih. Jadi, saya melihat menjadi pemimpin tertinggi UMNO, Ketua Puteri UMNO mewakili orang muda di era hari ini amat amat berbeza dengan apa yang dilalui di awal penubuhan puteri. Yang mana, (berdehem) satunya disebabkan oleh keadaan semasa faktor politik yang mempengaruhi. Yang keduanya, dari segi media sosial dan yang *ketiganya* [3] dari segi perubahan kepimpinan. Dan hari ini pemimpin puteri seluruh negara (bunyi kenderaan lalu) lebih kurang hampir *lapan puluh percent* [80 peratus] adalah muka baru. Sebab itu daripada awal saya menitik beratkan tentang soal *training* [latihan] dan maksudnya faham pada kenapa mereka masuk UMNO, kenapa mereka masuk ke Puteri UMNO. Macam saya sendiri saya masuk kerana saya ingin berkawan. Macam saya bagitahu tadi, saya memang jenis suka berkawan. Saya memang jenis utamakan kawan sebab itu apabila habis belajar kawan-kawan saya banyak dekat luar Melaka so [jadi] saya masuk Puteri UMNO ini untuk mendapatkan sahabat kawan-kawan dan sebab itu apabila saya memegang tampuk kepimpinan puteri saya meletakkan bahawa *training* [latihan] adalah sebagai satu perkara utama. Selain daripada isu-isu yang perlu kita perjuangkan mewakili orang muda. Orang muda hari ini, (berdehem) adalah orang muda yang ramai yang ada berpotensi, banyak yang

ada *qualification* [kelayakan] tetapi tidak ada kerja. Sebab itu, daripada tahun lepas kita telah perjuangkan untuk graduan-graduan yang menganggur ini agar nasib mereka dibela dan dibantu. Dibantu bagaimana? Dengan pendedahan sebab itu saya rasa bersyukur kerana kerajaan amat prihatin dengan menubuhkan Felo Perdana dengan adanya yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Sekarang ini kita dah ada MANTAP, Mahasiswa Turun Padang dah kali *keempat* [4]. *Mahasiswa Turun Parlimen* [M-A-N-T-A-P] *sorry* [maaf] siri *keempat* [4] dah dan ada juga Belia Parlimen Mahasiswa. Semua ini adalah sebagai tambah nilai kepada keupayaan belia dan saya hari ini saya baru lepas *interview* [temuduga] *enam* [6] orang pelajar-pelajar yang masih lagi belajar di *ipt* [institusi pengajian tinggi] dan juga yang dah habis *graduate* [habis belajar] di *ipt* [institusi pengajian tinggi] masing-masing yang saya berikan mereka peluang untuk sama-sama buat *attachment* [lampiran] dengan Pusat Khidmat Parlimen Masjid Tanah dan juga saya sebagai Ketua Puteri UMNO Malaysia dan juga ada *exposure* [jangka] ada pendedahan dan saya kira anak-anak muda ini perlu dibantu dengan pendedahan sebab kalau mereka *takde* [tidak ada] pengalaman macam mana mereka nak satunya, membawa diri. *Keduanya* [2] untuk menjadi seorang pekerja ataupun seorang individu yang terbaik dan kebanyakan mereka semua ini berpotensi dan apabila kita berikan kepercayaan macam saya tadi sudah ada enam dan saya terus bagi *assignment* [tugasan] dan saya nampak mereka ini sangat serius dan sangat komited. *Actually* [sebenarnya], apa yang mereka perlukan adalah peluang.

AA **Bagaimana pemilihan itu dibuat?**

YB Saya letakkan dalam *Facebook* [media social], saya cakap letakkan *attachment* [lampiran] untuk selama sebulan. Saya tahu sebulan ini tak sempat pun untuk belajar banyak tapi *at least* [sekurangnya] mereka ada peluang. Dan bila macam ini *so* [jadi] maksudnya mereka pun dekat dengan saya. Selama ni mereka *taktahu* [tidak tahu] pun, apa parlimen buat? *So* [jadi] sebab sebelum ini saya pejabat saya ini tak pernah lekang dengan pelajar-pelajar yang buat *attachment* [lampiran]. Ini siri yang *keempat* [4] *kot* [tidak pasti] saya dah buat maksudnya saya mengalu-alukan kalau mana-mana yang mahu belajar. Sebab saya cakap dengan *diaorang* [mereka] ini tidak ada *token* [ganjaran]. Apa yang saya boleh janjikan dengan mereka pengalaman dan ilmu yang mana mungkin tidak boleh dapat di tempat lain. Sebab tu saya rasa semua bukan sahaja saya tapi ada juga kawan-kawan saya pun buat benda yang sama dan saya juga menggalakan sekiranya ada sahabat-sahabat lain yang maksudnya mereka ada *company* [syarikat] ada walaupun syarikat kecil sahaja tetapi berilah anak-anak muda ini peluang untuk mereka belajar. Sekurang-kurangnya kita dapat juga betul dan juga dapat buat penambahan pada resume. Sebab melalui resume saya cakap tadi, saya dapat banyak resume untuk yang *attachment* [lampiran] itu tapi tidak ada satu pun resume yang menarik yang saya terima. *Resume is very important* [Resume adalah sangat penting]. Sebab itu, daripada *enam* [6] orang tadi salah satu *assignment* [tugasan] itu adalah untuk menulis resume. Saya cakap, “saya tengok *you all* [awak semua] punya resume pun *out* [teruk].”

AA Kiranya maksud *Yb* [Yang Berhormat] dari segi pengalaman?

YB Bukan dari segi pengalaman dari segi buat resume tu pun (bunyi telefon) memang *out* [teruk]. Format, gambar *so* [jadi] memang *out* [teruk]. *So* [jadi] saya rasa mereka ini perlu dibantu. Mereka ini perlukan panduan itu maksudnya saya ambil tanggungjawab itu untuk anak-anak Masjid Tanah yang mana saya boleh ni cakap dekat enam ni walaupun saya terima banyak resume saya tidak boleh terima semua tetapi mereka yang *enam* [6] saya pilih ini, mereka patut bersyukur sebab mereka ada ruang untuk belajar.

AA *Yb* [Yang Berhormat] memilih *enam* [6] orang ini berdasarkan apa?

YB Saya tengok pada resume, tengok pada kelapangan mereka sebab itu saya cakap resume mencerminkan diri anda.

AA Setelah berjaya dipilih, apa aktiviti mereka selama sebulan?

YB Okay, mereka dalam sebulan ini mereka akan bantu saya. Saya dapat *tiga* [6] projek pertamanya projek untuk anak muda Masjid Tanah menerusi resume, yang keduanya sama-sama sekretariat Pendidikan Masjid Tanah untuk bengkel pendidikan *then* [seterusnya] yang *ketiga* [3] untuk mengatitkan majlis penyampaian sumbangan menjelang Ramadhan. Saya ada tiga projek. Selain daripada tu, mereka teribat dengan aktiviti Pusat Parlimen Masjid Tanah, aktiviti

saya sebagai Ketua Puteri Umno Malaysia dan juga aktiviti saya sebagai Ahli Parlimen Masjid Tanah dan mereka juga akan berpeluang untuk pergi bertugas di parlimen Malaysia. Yang itu maksudnya orang lain tidak dapat tapi kita dapat.

AA Seperti dari sumber yang saya dapat dari internet, Puteri UMNO telah menghantar 500 sukarelawan bagi membantu mangsa banjir pada tahun lepas di Kelantan dan Pahang contohnya. Boleh *Yb* [Yang Berhormat] ceritakan sedikit mengenai hal tersebut?

YB Banjir tahun lepas itu memang menjadi satu musibah yang buruk dalam sejarah negara dan bukan hanya kita saja yang rasa sendiri tapi seluruh dunia juga melahirkan rasa simpati kepada Malaysia dan banyak juga ahli kami yang terlibat, pemimpin-pemimpin utama dalam puteri juga terlibat. Rumah mereka sendiri ditenggelami banjir, musnah diakibatkan oleh banjir, musnah harta benda dan sebagainya. Sebab itu kita terpanggil untuk membantu memberi sumbangan dengan kita menggunakan *hashtag* [slogan] Puteri Peduli dibawah Biro Sukarelawan Puteri Umno Malaysia dengan kebajikan kita turun dan kita bantu. Yang *pertamanya* [1] sewaktu banjir berlaku, *post* [setelah] banjir pun sebab *post* [setelah] banjir tu maksudnya mereka nak [hendak] mengemas rumah. Itu yang kita tawarkan perkhidmatan untuk membantu mereka bersihkan rumah. Yang *keduanya* [2], kita masak untuk mangsa- mangsa banjir ini di pusat

pemindahan dan juga di sekolah-sekolah yang menjadi tempat transit sebab kita lihat apabila mereka balik ke rumah untuk membersihkan rumah mereka tidak ada masa untuk membeli makanan ataupun memasak jadi puteri saya, mereka masak dan edarkan untuk orang-orang yang mengalami banjir. Saya melihat dan saya amat berbangga kerana nilai sukarelawan dikalangan anak muda dan anggota Puteri UMNO saya yang sangat-sangat tinggi. Mereka ini tidak dibayar mereka hanya diberi makan dan minum. Tidur pun ramai-ramai dekat sekolah *takde* [tidak ada] bantal ni maksudnya mereka ini bersedia dan mereka ini ingin membantu. Sikap kepedulian mereka yang tinggi itulah membuat hati saya tersentuh. Dan sebab itu saya juga mengalu-alukan untuk sesiapa yang berminat untuk menjadi sukarelawan untuk bersama-sama *register* [daftar] untuk *be part* [menjadi ahli] sukarelawan puteri ini supaya melalui *SPIRIT* [Team Sukarelawan Banjir]. Nama dia Team SPIRIT yang sukarelawan puteri supaya dapat kita bersama-sama membantu mereka yang dalam kesusahan. Yang haritu punya banjir dan kita bersiap sedia dalam apa juga dan mereka ini pun dah ada yang dah dihantar untuk *training* [latihan] yang diberikan, kursus bagaimana untuk menghadapi banjir ataupun bencana alam yang lain dan bagaimana ingin memberikan pertolongan. Ilmu itu perlu ada selain daripada pengalaman.

AA **Bagaimana anggota itu dihantar dan dibahagikan lokasi mereka?**

YB Kita berdasarkan kepada maklumat dan bantuan yang diberikan oleh puteri *local* [tempatan] dan juga pihak logistik yang diberikan oleh Negeri Kelantan sekiranya ada keperluan untuk kita pergi ke kampung A dan kita akan arahkan untuk pergi ke kampung A. Dan disitu saya serah kepercayaan saya kepada exco saya yang terlibat saudari *Nor Farhana Alham* [Ketua Puteri Bahagian Sabak Bernam –Biro Sukarelawan] untuk menentukan serta mengaturkan jentera ataupun team dan mengagihkan tugas. Alhamdulillah beliau telah dapat menajalankan tugas, tanggungjawab dengan amanah yang diberikan dengan baik sekali. Dan peringkat awalnya biasalah ada masalah tetapi bila dah *tiga* [3] hingga *empat* [4] kali bantuan saya tengok sudah semakin *smooth* [lancar] dan itulah proses pembelajaran dalam Puteri UMNO.

AA **Di Kelantan berapa buah tempat yang telah diberikan bantuan?**

YB Saya tidak pasti. Tetapi banyak tempat dan saya sendiri turun dan saya juga berpeluang dan masa tu kita memang nak cepat. Dikhabarkan ada kekurangan makanan dan juga ubat-ubatan. Dan kita telah mendapat bantuan dari kawan-kawan yang mempunyai asset untuk meminjam helikopter dan kita bawakan bahan makanan yang disumbangkan oleh rakyat Malaysia yang prihatin dan ubat-ubatan kepada mereka di Kelantan di Kuala Krai. Saya pun terlibat secara *direct* [terus] dari segi penghantaran.

AA **Bagaimana sumber ini diperolehi dan macam mana mendapatkan sokongan untuk mendapatkan sumber-sumber bantuan bagi mangsa banjir ini? Seperti sumber kewangan.**

YB Kita dapat dari segi war-war (bunyi telefon) dari segi hebahan yang dibuat di media sosial serta perkongsian melalui *WhatsApp group* [kumpulan aplikasi WhatsApp] dan kita iklankan untuk membantu dan juga kita ada tubuhkan pusat untuk bukan hanya Puteri UMNO sahaja, Wanita UMNO pun ada, Barisan Nasional pun ada semua nak membantu. Dan kita saling memberi dan bertukar-tukar maklumat. Contohnya dekat kita ada beras tetapi pusat pengumpulan barang-barang Barisan Nasional mungkin kekurangan beras jadi kita *transfer* [tukar]. Mereka nak hantar jadi mereka amek barang kita samalah *either one* [mana-mana satu].

AA **Berpakah jumlah kos sepanjang operasi bantuan itu?**

YB Saya tidak pasti tapi lebih mencecah ratusan ribu.

AA **Apakah pengalaman ataupun iktibar yang diperolehi dari misi sukarelawan tersebut?**

YB Banyak pengalaman yang kita dapat daripada misi tersebut. *Pertamanya* [1] perlunya ada kaedah dan ilmu dalam misi sukarelawan misi menyelamatkan atau

misi bantuan yang kita berikan. Ilmu bagaimana kita nak mengatur, contohnya kita nak masak. Kita ada pasukan untuk memasak untuk orang kampung yang tidak ada makanan tetapi tidak ada air bersih. Jadi bagaimana? Jadi apabila kita sudah berada dalam krisis ataupun seumpama itu jadi kita sediakan. Kita bawak air daripada luar maksudnya air masak itu menjadi keperluan jadi kita bawak air daripada luar untuk kita bekalkan sebagai bahan masakan dan juga untuk minuman mereka. Perlu ada ilmu dan pengalaman *then* [seterusnya] mudah untuk kita aturkan pengagihan bantuan dan sebagainya (bunyi enjin motor) yang keduanya dari segi pengagihan sumbangan juga perlu ada ilmu supaya tidak ada terjadi lambakan sumbangan yang berlaku. Perkara ini saya belajar, saya dapat ilmu ni masa saya bertanding menjadi ahli parlimen sini. Kerana melalui ilmu sikit tu saya *implement* [guna] maksud tu bahan kempen. Bahan kempen bukan sahaja kita *amek* [ambil] dan letak dekat bilik gerakan tetapi mesti ada *satu* [1] *team* [kumpulan]. Sampai saja mesti ada satu *team* [kumpulan] yang gerakan untuk (orang bercakap) mesti ada *team* [kumpulan] untuk mengagihkan kepada mereka supaya pembaziran tidak berlaku.

AA Menurut sumber yang diperolehi dari Facebook *Yb* [Yang Berhormat], terdapat beberapa perkara murni yang *Yb* [Yang Berhormat] cadangkan ekoran kejadian banjir tersebut. Seperti :

- i. TNB dan syarikat air memberi rebat kepada mangsa banjir.
- ii. Sektor Perbankan memberi kelonggaran kepada mangsa banjir untuk tidak membayar hutang mereka selama *enam* [6] hingga *dua belas* [12] bulan.
- iii. Dan Mara dan Tekun memansuhkan hutang peniaga kecil di bawah *dua ribu* [2000] ringgit.

YB *Okay* [baiklah], yang saya dapat ialah yang tidak membayar hutang itu maksudnya ada kelonggaran untuk mereka. Dan ada juga peniaga kecil tu maksudnya diberi kelewatan. Kita tidak ada mansuh tetapi maksudnya lewat untuk membayar dan saya lihat apabila perkara ini berlaku kita perlu meletakkan diri kita dalam tempat mereka bagaimana kita berada di tempat mereka, rumah musnah barangan musnah dan bagaimana kita perlu memulakan kehidupan seumpamanya *start from zero* [bermula dari kosong]. *Everything* [semuanya] habis hancur dan sudah pastinya mereka trauma. Jadi apabila kita meletakkan diri kita, jadi kita menyuarakan pandangan kepada puncak pimpinan kepada kerajaan dan apabila didengar itu sedikit sebanyak dapat mengubat kita membantu mereka.

AA **Apa usaha yang Yb [Yang Berhormat] berikan agar cadangan ini diberi perhatian?**

YB Maksudnya kita perlu ada proses untuk kempen dan juga perlu ada ruang bercakap dengan mereka yang terlibat, kementerian yang terbabit dan kita bercakap dgn *player* [agensi] kementerian-kementerian ataupun industri yang terbabit. Perlu, sebab masa tu pun *on the spot* [secara langsung], saya pun terfikir macam mana nak bayar elektrik. Jadi, saya pun tanyalah *so* [jadi] mungkin lepas ini kita dah boleh tahu dan lepas ni kita dah tahu dah ini perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan dan kerajaan kita Barisan Nasional adalah kerajaan yang prihatin. Selain dari yang diberikan mereka turut membantu dari segi rumah. Rumah banyak yang telah diberi tetapi saya melihat banyak pengurusan banjir itu dari *time to time* [semasa ke semasa] perlu dikemaskini dan perlu dibuat secara teratur. Apa yang mereka lakukan itu sudah yang terbaik dan saya usaha yang ditunjukkan oleh semua rakyat Malaysia (orang batuk) bukan hanya kementerian, bukan hanya sukarelawan, polis, *JPAM* [Jabatan Pertahanan Awam Malaysia], bomba dan sebagainya. Mereka semua amat baik tetapi ilmu dalam pengurusan banjir ini ataupun pengurusan bencana perlulah diapait mengikut teknologi terkini. Kita dapat memastikan proses menyelamatkan itu dapat dibuat dengan baik dan pantas.

AA Bolehkah *Yb* [Yang Berhormat] terangkan dengan lebih lanjut mengenai penangguhan yuran PIBG yang dicadangkannya oleh Puteri UMNO?

YB Yang itu saya belum ada apa-apa *feedback* [jawapan] lagi cuma yang berkenaan dengan Tabung Prihatin Puteri. Tabung Prihatin Puteri ini kita bermula untuk misi Hagnaya yang mana pada hari itu sahaja kita berjaya kumpul lebih daripada lima puluh ribu sewaktu kita lancarkan dekat PWTC pada tahun *dua ribu tiga belas* [2013]. Sewaktu tragedi taufan Hagnaya ni jadi, kita bermula dengan itu kita buat tabung prihatin. Jadi apabila ada tabung prihatin ini jadi dapatlah kita bantu mangsa-mangsa taufan Hagnaya itu. Begitu juga dengan kita anggota ataupun ahli-ahli puteri ataupun mereka yang terlibat dalam bencana ataupun mengalami sakit yang kronik pun, kita salurkan sumbangan melalui Tabung Prihatin Puteri.

AA Apa perbezaan Tabung Prihatin dengan Tabung Amal Taufan Haiyan Filipina?

YB Tabung amal itu pada waktu ketika itu sahaja. *Relevan* [wajar] pada masa Hagnaya dan tabung itu yang kita bawak bantuan itu dan kita *decide* [memutuskan] untuk beri bantuan kepada sebuah kampung Islam di Sibu, Filipina. Saya pun sama dan saya melihat ini adalah satu komuniti kecil dan ada sebuah masjid disana yang kecil dan belum sempurna. Kita pun amek inisiatif bersama dengan *Dunia Melayu Dunia Islam* [DMDI], dengan Majlis Belia

Malaysia, Puteri UMNO bersama-sama untuk melawat selain dari memberi sumbangan, mereka ini duduk di sana selama lebih dari dua minggu membantu dari segi program kemasyarakatan, bantu dari segi pakaian, bantu dari segi mengaji, ilmu. Dan ada juga yang memeluk Islam pada waktu ketika itu. Dan saya kena percaya anggota saya, sukarelawan yang terlibat saya pasti, kalau saya pun terkesan saya pasti pengalaman Hagnaya di Sibu Filipina itu adalah satu yang sangat manis dan mereka tidak akan lupa dan kita juga mendapat kerjasama dan juga bantuan untuk membaikpulih masjid. Masjid itu dah ada strukturnya tetapi belum cukup lagi maksudnya sudah ada pertambahan dan masjid itu sangat besar.

AA **Bolehkah Datuk menceritakan pengalaman melawat mangsa kelar di Pasir Putih Kelantan, Nur Syafiqah Lah dan bentuk sumbangan yang diberikan kepadanya?**

YB Waktu menerima berita kejadian yang menimpa Nur Syafiqah ni, puteri di seluruh Malaysia terkejut dengan apa yang menimpa Nur Syafiqah yang waktu itu beliau sedang berada di dalam rumah dan emaknya sedang menyidai baju dan dia dalam keadaan masa tu tengah mandi. Dan kalau benda tu boleh berlaku di Kelantan tidak mustahil boleh berlaku di rumah kita juga. Sebab itu perlu kita ingatkan perlu ada keselamatan maksudnya di rumah kita ada keselamatan, ahli keluarga kita tahu nombor telefon yang terdekat dan kita perlu ada sikap ambil

peduli sikap kejiranan yang tinggi bukan, hari ini *aku aku engkau engkau* [membuat hal sendiri]. Apabila mendengar teriakan Nur Syafiqa itu barulah orang kampung datang menolong. Maksudnya kalau orang kampung di situ tidak ada sikap keperihatinan yang tinggi, mustahil Syafiqa dapat diselamatkan sebab dia hampir dirogol. Dan waktu ketika itu kita menyumbangkan *lima ribu* [5000] kepada beliau dan alhamdulillah harini beliau telah berkahwin dan selamat diijabkabulkan dan mukanya pun sudah dipulihkan dan cantik.

AA **Apa nasihat atau cadangan bagi membantu mangsa seperti Nur Syafiqa ini?**

YB Sebab itu seperti saya kata kata tadi perlu ada kepedulian. Yang keduanya perlu ada langkah-langkah keselamatan dan yang ketiganya kita jangan mengambil ringan walaupun berada di rumah. Pintu perlu berkunci, walaupun kita nak pergi ke belakang sekejap, kita perlu ada langkah berjaga-jaga *kerana malang itu tidak berbau* [maksud peribahasa: kemalangan atau kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya]. Dan hal ini juga menunjukkan bahawa masih ramai yang penyayang dan masih ramai yang peduli.

AA **Bagaimanakah perasaan *Yb* [Yang Berhormat] ketika membuat lawatan ke Perak berjumpa Norzarith Zaaba balu kepada Allahyarham Firdaus Rahim, iaitu Pembantu Juruterbang MH17?**

YB Zarith ini seorang wanita yang tabah walaupun beliau sudah kehilangan, sukar untuk beliau terima apa yang telah terjadi tetapi sokongan sahabat-sahabat, sokongan daripada keluarga dan sokongan dari pada pemimpin masyarakat amat membantu dan ini yang terjadi dalam kes beliau. Dan saya pergi melawat diwaktu dia menghadapi masalah dan puteri *initiate* [mula] untuk membantu beliau pertukaran tempat kerja. Dia dah tak [tidak] boleh dah nak kerja dekat *KL* [Kuala Lumpur] sebab dia kerja di *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] dia bukan dari Kementerian Kesihatan tetapi *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia]. Jadi saya telahpun *deal* [berbincang] dengan Menteri Kesihatan tetapi saya dimaklumkan permohonannnya tidak dapat dibantu sebab dia bukan *direct* [terus] di bawah *KKM* [Kementerian Kesihatan Malaysia]. Saya baru sahaja dapat cakap dengan pegawai terlibat iaitu kita membuat rayuan kepada *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] untuk hal ini. Sebab sekarang ini dia tergantung, dia tidak bekerja sebab dia tidak ada sesiapa disana. *Family* [keluarga] dia hanya ada di Teluk Intan sahaja.

AA **Apakah pendapat Yb [Yang Berhormat] mengenai langkah mewajibkan kursus asuhan kanak-kanak bagi membendung kes penderaan yang berlaku?**

YB Kita melihat hari ini bukan sahaja kanak-kanak tetapi di Putrajaya tempat menjadi anggota kerajaan bekerja pun paling tinggi ada juga kesalahan salah laku dekat tempat pusat asuhan sebab itu, kita perlu ada garis panduan, kursus wajib supaya mereka tahu dan sedar perkara-perkara penting yang ada untuk sebuah pusat asuhan yang membuat operasi supaya mereka tidak ambil cara rringan dengan apa yang berlaku. Dan kebanyakan mereka *operate* [operasi] pusat asuhan ini kerana yang *pertama* [1], minat. Yang *kedua* [2] untuk tambah pendapatan yang *ketiga* [3] mungkin mereka tidak mempunyai pekerjaan. Jadi jika kerana minat baguslah kerana mereka akan jaga betul-betul dan sayang dengan budak sebab dia minat. Tetapi bagaimana yang dengan sebab yang tidak ada pendapatan. Mereka buka pusat asuhan tanpa ada ilmu, tanpa ada kursus dan pengalaman dan itu yang menjadi masalah. Sebab itu kita amat penting supaya pusat asuhan ini perlunya ada pemantauan. Pemantauan yang bukan sahaja bermusim tetapi pemantauan berkala. Dan bagi mereka yang tidak mengikuti kursus wajib ini supaya dikenakan tindakan yang setimpal kerana ini menunjukkan ketidakseriusan mereka membuat operasi pusat asuhan yang terbaik. Mereka yang bagus dan serius maka mereka akan menambah pengalaman dan ilmu sebagai pusat asuhan kanak-kanak.

AA **Apakah aktiviti yang dilakukan semasa kursus asuhan tersebut dijalankan?**

YB Pastinya bagaimana cara untuk *handle* [atasi]. Maksudnya, perlu bagi susu berapa kali? dan perlu tidurkan bagaimana? sebab *baby* [bayi] sering kali terjadi tercekik susu. Jadi jika berlaku tercekik susu, bagaimana untuk menyelamatkan. Ilmu macam itu yang perlu ada bagaimana nak *handle* [atasi] bayi, bagaimana nak mandikan itu semua perlu ada satu garis panduan.

AA **Adakah Yb [Yang Berhormat] pernah menyandang apa-apa anugerah?**

YB Ada. Anugerah itu saya kira sebagai pingat, anugerah dan juga pencapaian. Apabila saya *involve* [sertai] dalam politik dan belia saya mendapat pingat (P.J.K) iaitu Pingat Jasa Kebaktian Negeri Melaka. Kemudian saya mendapat Bintang Cemerlang Negeri Melaka. Kemudian saya dapat Pingat Bakti Belia yang dianugerahkan oleh *Tuan Yang Terutama, TYT Negeri Melaka* [Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob] sewaktu saya memenangi anugerah peringkat persatuan. Dalam Melaka ini saya yang menang mewakili Melaka. Saya sebagai pengerusi 4B cawangan pada ketika itu, cawangan kami terpilih mewakili Melaka bagi anugerah belia peringkat persatuan pada tahun *dua ribu enam* [2006] jika saya tidak silap. *So* [jadi] pada ketika itu saya dapat anugerah *PBB* [Pingat Bakti Belia] oleh kerajaan negeri Melaka dan saya dapat Darjah Seri Melaka pada tahun *dua ribu dua belas* [2012]. Dan yang terbaru saya dapat

anugerah Datuk, di DMSM iaitu Darjah Mulia Seri Melaka yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka di atas pencapaian saya sebagai Ahli Parlimen dan juga sebagai Ketua Puteri UMNO Malaysia. Dan saya baru juga mendapat anugerah belia yang diberikan oleh Majlis Belia Malaysia yang dianugerahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pada hari Sabtu ini saya terima lagi satu anugerah yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka untuk pingat Bintang Khidmat Cemerlang (BKC) pada hari *Sabtu* [16 May 2015] ini sempena Hari Belia Negara. Dan saya rasa bersyukur sangat kerana saya tidak pernah terfikir saya bermula dengan *P.J.K* [Pingat Jasa Kebaktian] itu sedangkan saya mencadangkan nama sahabat saya ketika kepimpinan puteri UMNO ketika itu tetapi pihak kepimpinan kata saya yang lebih layak. Yang pada masa itu Datuk Wira Abu Seman. Jadi saya tidak pernah terfikir dan alhamdulillah ini adalah satu penghargaan dan juga kepercayaan dan juga anugerah ini bukan sahaja untuk saya tetapi untuk mereka yang pernah terlibat dan bekerjasama dengan saya yang telah sama banyak membantu. Ini adalah untuk mereka juga, untuk belia, untuk puteri dan untuk rakyat Masjid Tanah.

AA **Bagaimana dengan cadangan mewujudkan pasar wanita khusus kepada usahawan wanita?**

YB Saya cakap ini sewaktu saya bersama dengan *AIM* (Amanah Ikhtihar Malaysia) Melaka daerah Alor Gajah sewaktu saya merasmikan. Saya melihat bahawa wanita ini sangat pandai berniaga. Mereka ini *a good paymaster* [pembayar pinjaman yang bagus] maksudnya apabila membuat pinjaman mereka sangat disiplin. Dan wanita ini apabila mereka berniaga mereka boleh melakukan dan amat disiplin. Jadi saya melihat jika dapat mewujudkan sebuah tapak ataupun pasar wanita dalam Parlimen Masjid Tanah hanya memasarkan semua usahawan-usahawan wanita. Jadi pada ketika itu, saya telahpun berjumpa dengan *Menteri Datuk Seri Wahid* [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] untuk cadangan saya mengadakan pasar wanita ini dan begitu juga baru-baru ini saya mengadakan pertemuan dengan usahawan-usahawan belia dalam Parlimen Masjid Tanah. Saya melihat bahawa ramai anak muda yang berpotensi dan mereka gembira apabila saya bercakap hal ini. Kita bermula dengan koperasi usahawan sebab saya cakap saya mahu lihat usahawan bukan sahaja dikalangan orang muda tetapi dikalangan wanita juga. Dan itu juga adalah sebagai persediaan jika kita sudah kenalpasti ada tapak dan kita akan buat pasar untuk wanita. Selain daripada kita ada *trademark* [slogan] pasar wanita, kita juga dapat memasarkan produk orang kampung daripada wanita juga dan kita juga dapat menjadikan wanita itu berdikari dan juga dapat menjana pendapatan sendiri tanpa perlu bergantung pada suami masing-masing

AA Boleh *Yb* [Yang Berhormat] ceritakan sedikit mengenai kejayaan memimpin Puteri UMNO dan *seratus* [100] hari ini yang menjadi lambang kepimpinan berwibawa.

YB Saya rasa saya masih lagi belum ada kejayaan yang saya hasilkan dalam keadaan politik harini. Saya fikir perlunya kuatkan semangat pada jati diri dan semangat pada sejarah perjuangan. Yang mana dengan semangat ini yang boleh memastikan bahawa kita tidak akan tersasar dari landasan. Dan saya akui waktu saya ini agak sukar kerana pelbagai rintangan kerana hari ini fitnah di media sosial menjadi mainan. Sebab itu cabaran saya, bagaimana untuk membetulkan persepsi orang ramai bahawa UMNO ini yang menjadi tunjang kepada Barisan Nasional iaitu kerajaan yang memimpin pada hari ini yang selama ini memberi banyak manfaat dan juga pembangunan kepada rakyat Malaysia. Sebab itu, pemimpin muda hari ini perlu percaya kepada pimpinan. Bila kita tidak ada kepercayaan pada pimpinan, maka susah untuk kita melaksanakan tugas dengan baik. Dan saya memetik kata-kata *Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn* [Menteri Pertahanan Malaysia] berkata, “memang zaman kita ini adalah zaman yang sukar tetapi apabila kita melalui zaman kesukaran ini dan kita berjaya mengatasinya, maka kita akan jadi pemimpin yang hebat” dan saya ambil kata-kata beliau itu sebagai satu semangat dan saya percaya bahawa jika kita melaluinya saya yakin dan percaya bahawa di samping kita niat yang baik dan muhasabah diri dan membuat yang terbaik untuk rakyat, saya tetap percaya orang akan memilih Barisan Nasional.

TAMAT BAHAGIAN 5

LAMPIRAN

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Yb Mas Ermieyati (kiri) menyumbangkan bekalan makanan kepada mangsa banjir di Kuala Krai, Kelantan.

LAMPIRAN 2



Gambar 2: Ketua Puteri UMNO, Yb Mas Ermieyati Samsudin melawat balu allahyarham Firdaus Rahim Juruterbang yang meniggal dunia kerana nahas MH17

LAMPIRAN 3



Gambar 3: Amalina Aliah bergambar bersama Yb Mas Ermieyati selepas sesi temuramah

INDEKS

A

Aktiviti 12, 17, 21, 26, 42, 48, 59

Anak tunggal 20

Attach 23

Admin 31

Allahyarham 34, 57

B

Beliau 41, 43, 51, 56, 57, 58, 63

Businessman 29

Bencana alam 50

C

Colour 17, 18

Cungkil 22

Character 18

Compliment 25

Circle 30, 31

Chambering 27, 34

E

Explain 24

Ekonomi 42

F

Family 16, 17, 24, 58

Feminine 17

Follow 22

Financial 35

Felo 46

G

Gelaran 16

Guide 32

H

Humour 18

I

Integrity 37

Idea 37

Industri 54

Inisiatif 56

J

Jawatan 10, 15, 16,45

Jati diri 62

K

Keluarga 16, 17, 21, 23, 24, 57, 58

Kenderaan 20, 45

Kempen 42,53, 54

Kerjaya 6, 23, 39

L

Lisan 1, 2,4, 15

Lasak 17

lelaki 19, 20, 36

latihan 21, 27, 34, 45, 50

M

Mahkamah 27, 28, 34

Menteri 41, 42, 43, 44, 54, 58, 60, 61, 62,
63

mantan41, 43

N

Nikah 20

Netball 26

P

Parlimen 6, 36, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 49,
53,

60, 61, 62

Progress 24

Politik 16, 45, 60, 62

Pingat 60, 61

R

Riadah 17

Rakyat 34, 35, 36, 40, 51, 54, 61, 63

S

Spesifik 17

Secretariat 44, 48

Sukarelawan 49, 50, 52, 54, 56

LOG WAWANCARA

Amalina Aliah menemubual Yb Datuk Hjh Mas Ermieyati Hj Samsudin, yang dilahirkan pada 1925, di Melaka. Temubual dijalankan di pejabat beliau di Pusat Khidmat Masyarakat Kawasan Parlimen Masjid Tanah, Melaka, mengenai kepimpinan beliau semasa menjadi Ketua Puteri UMNO Malaysia pada Mac 2014 hingga sekarang.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
12.00	Latar belakang dan biodata Yb Datuk Hjh Mas Ermieyati Hj Samsudin	Hospital Besar Melaka, Kampung Paya Debah, Masjid Tanah, Melaka,
12.30	Nama ahli keluarga	Mas Anizah, Mas Ermieyati, Mas Diana, Edy Iskandar, Edy Irwan, Edy Faizwan
12.45	Nama suami dan anak	Muhammad Helmi Muhammmad Haikal, Muhammad Hakim, Muhammad Hafi, Muhammad Hasif.

BAHAGIAN 2:PENDIDIKAN AWAL

1.00	Semasa bersekolah rendah	Methodist Girls School 2, Sekolah kebangsaan Ramuan Cina Besar, Sekolah Tun Fatimah Johor
1.15	Acara sukan atau permainan yang diceburi semasa sekolah	kokurikulum, persatuan, acara balapan lumba lari, seratus meter, empat kali seratus [4x100], larian berpagar, basketball

BAHAGIAN 3:PENDIDIKAN UNIVERSITI

1.30	Semasa di universiti	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
------	----------------------	---

BAHAGIAN 4:PEKERJAAN AWAL

1.45	Pekerjaan awal selepas tamat belajar	Nordin & Co Melaka, Tan Sri Ahmad Nordin, Tetuan Khairul Latiff & Associate, Tetuan Adillah & Co, Tetuan Ermeynizam & Ho, Tetuan Anasyaranah Anuar & Co
------	--------------------------------------	--

BAHAGIAN 5:SUMBANGAN,PENCAPAIAN & ANUGERAH

2.00	Sumbangan beliau sepanjang menjadi Parlimen Masjid Tanah	Mini Stadium, Betulkan jalan,
------	---	----------------------------------

		Betulkan rumah orang kampung, Modal insan
2.15	Sumbangan beliau sepanjang menjadi Ketua Puteri UMNO Malaysia	MANTAP , Felo Perdana Bantuan Sukarelawan Banjir, Tabung Prihatin
2.45	Anugerah beliau dapat sepanjang menjadi Ketua Puteri UMNO Malaysia dan Parlimen Masjid Tanah	PBB (Pingat Bakti Belia) , Pinga Jasa Kebaktian Bintang Khidmat Cemerlang (BKC),

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11.00pg -1.00tgh	13 Apr 2015	<p><u>Melakukan sesi pencarian mengenai tokoh.</u></p> <p>Perjumpaan bersama rakan kumpulan untuk mengenali tokoh bagi peringkat awal melalui sumber yang diperolehi.</p>	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan.
2.30ptg - 3.00ptg	15 Apr 2015	<p>Panggilan Telefon</p> <p>Membuat panggilan telefon untuk pertama kali ke pejabat tokoh. Panggilan tersebut untuk memohon persetujuan tokoh untuk di temuramah.</p>	Butiran-butiran mengenai jadual tokoh secara kasar mengenai kelapangan masa beliau telah diperolehi.
2.30ptg - 3.00ptg	25 Apr 2015	<p>Panggilan Telefon</p> <p>Membuat panggilan telefon untuk kali kedua kepada pejabat tokoh. Panggilan tersebut untuk memohon persetujuan tarikh yang sesuai untuk proses temuramah.</p>	Satu tarikh telah ditetapkan.
9.00pg - 11.00pg	27 Apr 2015	Melakukan persediaan dari segi soalan, borang yang perlu dibawa dan bagaimana proses temuramah tersebut akan berlaku.	Penambahan dari segi soalan berdasarkan terdapat pertambahan maklumat.
10.00pg-11.00pg	1 May 2015	<p><u>Panggilan telefon</u></p> <p><u>Membuat panggilan telefon kepada setiausaha beliau untuk memastikan tarikh menemuramah yang telah diberitahu tidak ada masalah</u></p>	
12.00tgh-3.00ptg	15May 2015	<p>Perjumpaan dengan tokoh.</p> <p>Perjumpaan temuramah tersebut</p>	Tidak ada sebarang masalah yang timbul dan proses tersebut

		dilakukan di pejabat tokoh di Pusat Khidmat Parlimen Masjid Tanah. Sesi temuramah dimulakan dan berakhir jam 3.00 petang.	berjalan lancar.
--	--	--	------------------

SOALAN

TOKOH PILIHAN: YB DATUK MAS ERMIEYATI HJ SAMSUDIN –Ketua Puteri UMNO Malaysia

Bahagian A: Pengenalan Awal Latarbelakang

1. Siapakah nama penuh Yb Mas Ermieyati dalam kad pengenalan?
2. Apakah nama gelaran Yb atau nama-nama timangan yang dipanggil oleh kawan-kawan atau family ?
3. Adakah selepas mendapat jawatan Yang Berhormat mereka masih memanggil dgn gelaran itu?
4. Bolehkah Yb menerangkan serba sedikit tentang latar belakang Yb? Rujuk isi dibawah.
 - i. Berapakah usia Yb sekarang?
 - ii. Bilakah tarikh lahir Yb?
 - iii. Dimanakah Yb dilahirkan?
 - iv. Dimanakah Yb dibesarkan?
 - v. Dimanakah Yb menetap sekarang?
 - vi. Apakah hobi Yb di masa lapang?
 - vii. Apakah warna kegemaran Yb?
 - viii. Apakah makanan kegemaran Yb?
5. Adakah Yb suakakan aktiviti lasak? Contohnya?
6. Apakah warna kegemaran Yb?
7. Adakah Yb spesifik dalam memilih warna pakaian mengikut hari?
8. Apakah makanan dan minuman kegemaran Yb?
9. Adakah makanan tersebut (kegemaran) akan dimasak sendiri?
10. Sikap dan perwatakan Yb. Bolehkah Yb terangkan? Contoh: peramah dan rajin bekerja
11. Jika Yb seorang pendengar yang setia, adakah seorang pemberi nasihat yang bagus?
12. Siapakah nama ibu dan ayah Yb?
13. Berapakah bilangan adik-beradik Yb?
14. Nama adik-beradik Yb.
15. Kenapa memilih Mas dan Edy sebagai nama hadapan?
16. Bilakah tarikh dan tahun perkahwinan Yb?
17. Apakah nama timangan suami atau panggilan nama suami Yb?
18. Apakah pekerjaan suami Yb?
19. Berapakah bilangan anak Yb?
20. Adakah Yb bercadang untuk menambah lagi bilangan anak?
21. Apakah makanan kegemaran anak-anak Yb?
22. Apakah aktiviti yang digemari atau dilakukan oleh Yb bersama keluarga?
23. Adakah anak-abak Yb mengambil kelas Taekwando?
24. Apakah petua Yb dalam mendidik anak-anak Yb?

25. Sekiranya mereka melakukan kesalahan, bagaimana cara Yb menasihati mereka?
26. Bagaimanakah Yb membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya?
27. Adakah anak-anak Yb tidak terasa dengan perubahan tugas Yb sebelum mendapat pangkat? Pernahkah mereka menyuarakannya?
28. Adakah Yb mempunyai moto hidup? Jika ada, bolehkan Yb berkongsi dengan kami?

Latar belakang Pendidikan awal

29. Dimanakah Yb bersekolah?
30. Adakah Yb selalu aktif dan menyertai apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah?
31. Bermain Basketball ini semasa di sekolah Methodist?
32. Adakah bidang perundangan ini adalah bidang yang diminati?

Latar belakang Pendidikan di Universiti

33. Adakah Yb mendapat sokongan keluarga dalam mengambil bidang ini?
34. Apakah kaedah belajar yang Yb amalkan?
35. Adakah Yb seorang yang suka membuat kerja di saat akhir?
36. Adakah Yb gemar membuat peta minda?
37. Apakah subjek yang tidak digemari oleh Yb?
38. Mengapa?
39. Apakah kenangan atau momen terbaik yang tidak pernah Yb lupakan sewaktu pengajian??
40. Adakah Yb mempunyai kenangan pahit sewaktu pengajian di universiti?
41. Apakah rahsia atau tips yang ingin dikongsikan sewaktu belajar di pengajian?
42. Adakah Yb masih menghubungi berjumpa kawan-kawan Yb lagi?
43. Di Melaka, adakah Yb mempunyai kawan rapat semasa belajar?

Latar belakang Pekerjaan Awal

44. Apakah pekerjaan awal Yb setelah tamat pengajian?
45. Yb buat chambering di syarikat mana?
46. Apakah Yb selesa dengan kedudukan sekarang?
47. Dimanakah tempat pekerjaan Yb sekarang?
48. Apakah yang dilakukan bagi memastikan pekerjaan Yb sentiasa berkualiti?
49. Adakah Yb seorang yang berani dalam melontarkan idea atau cadangan?
50. Kita memerlukan fakta untuk mengkritik sesuatu isu itu, bagaimanakah Yb mengambil tahu isu semasa?
51. Bagaimana Yb memastikan pemberi maklumat tersebut member maklumat yang betul?
52. Siapakah yang Yb akan rujuk sekiranya kurang pasti terhadap sesuatu perkara?
53. Betulkah Yb pernah berjumpa dengan anak arwah mangsa kemalangan di Lebuhraya Duke?
54. Apakah harapan Yb terhadap kerjaya yang diperolehi harini?
55. Bagaimanakah Yb menghadapi situasi meyakinkan rakyat yang tidak percaya dengan kebolehan Yb?
56. Adakah Yb seorang yang boleh bekerja tidak kira masa?

Bahagian B: Sumbangan, Pencapaian & Anugerah

57. Sebagai Ahli Parlimen Masjid Tanah apakah sumbangan yang diberikan kepada penduduk?
58. Bolehkah Yb menceritakan sumbangan yang telah diberi sepanjang memegang jawatan sebagai Ketua Puteri UMNO Malaysia?
59. Bagaimanakah pemilihan rekrut tersebut dilakukan?
60. Apakah yang dimaksudkan oleh Yb dalam pemilihan resume tersebut?
61. Apakah garis panduan Yb untuk memilih pelajar untuk direkrut ini?
62. Setelah beberapa pelajar berjaya dipilih, apakah aktiviti mereka selama sebulan direkrut?
63. Puteri UMNO telah menghantar 500 sukarelawan bagi membantu mangsa banjir pada tahun lepas. Boleh Yb ceritakan sedikit mengenai hal tersebut?
64. Bagaimanakah strategi pembahagian sukarelawan itu dihantar dan dibahagi ke lokasi mereka?
65. Di Kelantan, berapa buah tempat telah diberi bantuan?
66. Bagaimanakah sumber bantuan ini diperolehi dan bagaimana untuk mendapatkan sokongan bantuan bagi mangsa banjir?
67. Berapakah jumlah kos sepanjang operasi bantuan mangsa banjir?
68. Apakah pengalaman atau iktibar yang diperolehi dari misi sukarelawan tersebut?
69. Menurut sumber yang diperolehi dari Facebook Yb, terdapat beberapa perkara dicadangkan oleh Pergerakan Puteri UMNO ekoran kejadian banjir tersebut. Seperti :
 - i. TNB dan syarikat air memberi rebat kepada mangsa banjir.
 - ii. Sektor Perbankan memberi kelonggaran kepada mangsa banjir untuk tidak membayar hutang mereka selama 6 – 12 bulan.
 - iii. Mara dan Tekun memansuhkan hutang peniaga kecil di bawah RM2,000.

Adakah proses cadangan ini Berjaya dilaksanakan?

70. Apakah usaha yang dilakukan agar cadangan tersebut diberi perhatian?
71. Bolehkan Yb menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai penagguhan yuran PIBG yang dicadang oleh Puteri UMNO?
72. Apakah tujuan Tabung Prihatin Puteri yang dilancarkan Pergerakan Puteri UMNO Malaysia?
73. Apakah perbezaan Tabung Amal Tufan Haiyan Filipina dengan Tabung Prihatin Puteri?
74. Bolehkah Yb menceritakan pengalaman melawat mangsa kelar, Nur Syafiqah Lah dan bentuk sumbangan yang diberikan kepadanya.
75. Apakah nasihat atau cadangan bagi membantu mangsa seperti Nur Syafiqah ini?
76. Apakah perasaan Yb ketika membuat lawatan ke Perak berjumpa Norzarith Zaaba balu kepada Allahyarham Firdaus Rahim, Pembantu Juruterbang MH17?
77. Apakah pendapat Yb mengenai langkah mewajibkan kursus asuhan kanak-kanak bagi membendung kes penderaan yang berlaku?
78. Apakah aktiviti yang dilakukan semasa kursus asuhan tersebut dijalankan?

79. Bagaimana dengan cadangan mewujudkan pasar wanita khusus kepada usahawan wanita?
80. Adakah Yb pernah menyandang apa-apa anugerah?
81. Boleh Yb ceritakan sedikit mengenai kejayaan memimpin Puteri UMNO dan 100 hari ini yang menjadi lambang kepimpinan berwibawa.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Yang Bahormat Datuk Hj Mas Ermeyati Hj Samsudin
Pada 15 May 2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 15 May 2015 (tarikh). Dipersetujui pada 15 May 2015 oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Dr. Mohd Nasir Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

YB Datuk Hj Mas Ermeyati Samsudin
Ahli Parlimen Masjid Tanah

DR. MOHD NASIR ISMAIL
Ketua Pusat Pengajian
(Pengurusan Maklumat, Sains Pentadbiran &
Pengajian Polisi Dan Pengajian Undang-undang)
Universiti Teknologi MARA Kelantan

**Pejabat Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik)**
Deputy Rector Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156
Email : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Tarikh : 11 Mei 2015

Surat Kami : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

BIL	NAMA	NO. UiTM
1	AMALINA ALIAH BINTI KAHARUDIN	2012145453
2	NURHARFAH BINTI HARON	2012798009

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEP) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)** , bahagian **5** yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan kursus yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi saudari **AMALINA ALIAH BINTI KAHARUDIN** di talian **0137716694** .

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

IMRAN MOHAMED @ ISMAIL
Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik)
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

INDEKS

A

Aktiviti 12, 17, 21,26, 42, 48, 59

Anak tunggal 20

Attach 23

Admin 31

Allahyarham 34, 57

B

Beliau 41, 43, 51, 56, 57, 58, 63

Businessman 29

Bencana alam 50

C

Colour 17, 18

Cungkil 22

Character 18

Compliment 25

Circle 30, 31

Chambering 27, 34

E

Explain 24

Ekonomi 42

F

Family 16, 17, 24, 58

Feminine 17

Follow 22

Financial 35

Felo 46

G

Gelaran 16

Guide 32

H

Humour 18

I

Integrity 37

Idea 37

Industri 54

Inisiatif 56

J

Jawatan 10, 15, 16,45

Jati diri 62

K

Keluarga 16, 17, 21, 23, 24, 57, 58

Kenderaan 20, 45

Kempen 42,53, 54

Kerjaya 6, 23, 39

L

Lisan 1, 2,4, 15

Lasak 17

lelaki 19, 20, 36

latihan 21, 27, 34, 45, 50

M

Mahkamah 27, 28, 34

Menteri 41, 42, 43, 44, 54, 58, 60, 61, 62,
63

*mantan*41, 43

N

Nikah 20

Netball 26

P

Parlimen 6, 36, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 49,
53,

60, 61, 62

Progress 24

Politik 16, 45, 60, 62

Pingat 60, 61

R

Riadah 17

Rakyat 34, 35, 36, 40, 51, 54, 61, 63

S

Spesifik 17

Secretariat 44, 48

Sukarelawan 49, 50, 52, 54, 56